

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, maksudnya : "Dari Abi Sa'id Al-Khudri Radiallahuanhu, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Makan sahur itu berkat, oleh sebab itu jangan kamu meninggalkannya walaupun salah seorang daripada kamu hanya meneguk seteguk air. Maka sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat ke atas orang-orang yang bersahur".  
 (Hadis Riwayat Al-Imam Ahmad)

## USAHA MENTRANSFORMASIKAN LANDSKAP EKONOMI NEGARA DIPERGIAT

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis  
 Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 22 Februari. - Kita mengucapkan syukur, usaha mempelbagaikan ekonomi negara menerusi keutamaan Economic Blueprint terus dipergiat. Antaranya pembangunan ekosistem *maritime* yang mendukung aktiviti *transshipment* melalui penyediaan kawasan Ship-to-Ship Lay-up Designated Area.

Ini bukan sahaja mengurangkan kos logistik, malah berupaya meningkatkan daya saing perniagaan tempatan di peringkat serantau serta berpotensi untuk membuka peluang-peluang ekonomi baharu.

>> Muka 3

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** dalam Titah Perutusan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-42, Tahun 2026.



## Berita Utama



PELITA Brunei hari ini menerbitkan **KELUARAN KHAS** sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42



**MENINGKATKAN** kerjasama, integrasi sektor pengangkutan  
 Muka 8



**MENINGKATKAN** kerjasama kehakiman, pembinaan kapasiti dalam ASEAN  
 Muka 9

## Berkenan hantar titah perutusan tahniah



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan Perdana Menteri Jepun, Puan Yang Terutama Sanae Takaichi.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan Perdana

Menteri Jepun, Puan Yang Terutama Sanae Takaichi serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-66 bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.



**MEMPROMOSI** profesion perakaunan, pembangunan bakat sektor kewangan  
 Muka 27

## Seruan memperkasa ibadah, menjaga kesihatan sepanjang bulan Ramadan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.**

**A**LHAMDULILLAH, beta memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan kurnia-Nya kerana mengizinkan kita sekali lagi bertemu dengan bulan Ramadan Al-Mubarak dalam suasana yang aman, sejahtera dan penuh keberkatan.

Beta juga amat bersyukur atas nikmat kesembuhan yang dikurniakan serta diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan ini, setelah selesai menjalani rawatan. Pengalaman ini mengingatkan kita betapa pentingnya menjaga kesihatan, kerana ia adalah anugerah yang tidak ternilai. Kesihatan yang baik bukan sahaja membolehkan kita beribadah dan berkhidmat dengan lebih sempurna, malah ia adalah amanah bersama.

Dalam bulan Ramadan yang mulia ini, nikmat kesihatan menjadi asas untuk kita melaksanakan ibadah puasa dan amal kebajikan dengan penuh keikhlasan, sekali gus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Menjaga kesihatan diri bermakna kita juga menjaga kesejahteraan keluarga dan masyarakat, kerana tubuh yang sihat memberi ruang untuk kita terus berbakti dan menyumbang kepada pembangunan bangsa serta kesejahteraan ummah.

Pada kesempatan ini, dengan penuh keikhlasan dan rasa terharu, beta ingin

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang telah mendoakan kesihatan dan kesembuhan beta. Beta amat menghargai setiap ingatan dan sokongan yang diberikan.

Beta percaya segala usaha menunaikan Solat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan doa yang dipanjatkan telah didengar dan dikabulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Doa-doa yang dipanjatkan menjadi sumber kekuatan yang besar dan beta amat tersentuh, apabila mengetahui bahawa semua lapisan masyarakat di dalam dan luar negara, tanpa mengira usia, bangsa dan agama termasuk kanak-kanak turut sama mendoakan kesihatan beta.

Begitu juga beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta menzahirkan ucapan terima kasih kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, serta para ketua dan pembesar dari negara-negara sahabat yang telah mengutuskan perutusan mendoakan kesihatan beta.

Beta mendoakan agar hubungan baik yang sedia terjalin ini akan terus diperkukuh dan dipermudahkan demi kesejahteraan bersama.

Tidak lupa beta ingin merakamkan setulus-tulus penghargaan dan pengiktirafan setinggi-tingginya kepada para doktor dan pasukan perubatan yang terdiri dari pakar tempatan dan luar negara atas dedikasi dan kerjasama mereka dalam memberikan rawatan terbaik kepada beta.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membalas segala kebaikan tersebut dengan ganjaran pahala yang berlipat ganda serta mengurniakan kesihatan, kesejahteraan dan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas bersempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masih dan Titah Perutusan Khas Penghargaan dan Terima Kasih pada Rabu, 18 Februari 2026.**

keberkatan kepada semua.













Mengambil sukut baik sempena bulan Ramadan yang penuh rahmat, marilah kita sama-sama merafakkan doa memohon keampunan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dijauhkan daripada api neraka, dipanjangkan umur

untuk kita diberi kesempatan bertemu dengan bulan Ramadan secara berulang-ulang kali dan dikurniakan kesihatan agar dapat melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna dan penuh ketenangan.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	5	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	SELASA	6	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	RABU	7	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	KHAMIS	8	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	JUMAAT	9	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	SABTU	10	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1	AHAD	11	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI					
ISNIN		SELASA		RABU	
Bandar Seri Begawan					
31 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar					
31 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong					
31 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	
Kuala Belait					
31 24 °C		30 24 °C		31 24 °C	

Wallahuacum Bissawab  
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 23 FEBRUARI 2026

### Perpaduan asas kekuatan menghadapi cabaran

**H**ARI ini, 23 Februari 2026, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-42. Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara yang kita sambut setiap tahun merupakan hari yang penuh bermakna kepada kita rakyat dan penduduk di negara ini. Hari kebesaran negara ini perlu disambut dan dihayati sepenuhnya dengan semangat patriotisme oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini yang cinta akan negara berdaulat ini.

Pada tahun ini, tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42 ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan negara, rakyat harus menyemai semangat perpaduan dan cinta kepada tanah air.

Perpaduanlah benteng utama kita, tanpa perpaduan tiada bangsa yang mampu bertahan dan melangkah jauh ke hadapan. Justeru, kita perlu mengekalkan perpaduan semua puak di negara ini dan terus bersatu padu demi menjamin keharmonian hidup bernegara di tanah air yang bertuah ini bagi mengelakkan persengketaan dan perpecahan yang membawa mudarat kepada semua. Oleh itu, dengan memupuk toleransi dan mengangkat kepedulian antara sesama insan negara kita akan mampu mengimbangi kepesatan globalisasi serta cabaran yang dihadapi demi menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Pada tahun ini, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42 diraikan dalam bulan Ramadan, bulan yang penuh rahmat. Justeru dalam bulan yang mulia ini marilah kita sama-sama merafakkan doa agar negara kita sentiasa dirahmati Allah, dijauhkan daripada segala bencana.

Majlis Utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 diraikan dengan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran, yang diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagai tumpuan utama.

Rakyat dan penduduk di negara ini juga hendaklah menanamkan semangat kebangsaan, ketaatan kepada raja dan menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Setiap lapisan masyarakat di negara ini hendaklah sama-sama berganding bahu mencurahkan khidmat bakti kepada negara.

Sebagai sebuah negara yang kian gagah menongkah arus modenisasi, perpaduan menjadi elemen terpenting untuk diberi perhatian serius. Bagaimanapun, hal perpaduan ini terus mendewasakan pelbagai pihak supaya menyemai rasa hormat dengan nilai keharmonian yang sangat tinggi.

Kita berharap sambutan seperti ini akan terus dilaksanakan oleh generasi muda yang menjadi tonggak negara di masa depan bagi meneruskan kecemerlangan negara. Tanggungjawab sebagai rakyat dalam mempertahankan kemerdekaan ini dengan memperkukuh perpaduan dan mengekalkan keamanan bersama demi negara seharusnya menjadi pegangan agar kita tetap teguh menghadapi apa jua cabaran mendatang. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42! - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Usaha mentransformasikan landskap ekonomi negara dipergiat

■ Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

>> Muka 1

Seiring dengan perkembangan teknologi global, negara juga turut memberikan perhatian kepada pembangunan pusat data berasaskan Kecerdasan Buatan ataupun Artificial Intelligence (AI).

Demikian antara titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-42, Tahun 2026, hari ini.

Selain membina keupayaan AI tempatan melalui usaha sama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) tempatan, titah baginda, inisiatif ini juga dapat memperkukuh pembangunan teknologi strategik, memastikan keselamatan data dan memacu inovasi digital.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa aspek keselamatan makanan negara juga terus diberikan perhatian. Ini merangkumi kerjasama strategik serantau termasuk pembangunan zon makanan bersama antara NBD dan Republik Singapura melalui Brunei-Singapore Agri-Tech Food Zone.

"Kerjasama ini akan memperkukuh lagi rantaian bekalan makanan dan berpotensi menjana peluang pekerjaan dan perniagaan tempatan bagi kedua-dua buah negara.

"Kerajaan beta juga terus mempergiat pertumbuhan dalam sektor-sektor pelancongan yang berfokuskan kepada ekopelancongan. Bidang ini adalah antara lain yang menjadi keutamaan agenda pembangunan negara

menerusi pelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 yang bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan beta Menaiki Takhta pada tahun hadapan," titah baginda.

Kesemua inisiatif ini, titah baginda lagi, termasuk yang digariskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam mentransformasikan landskap ekonomi negara serta memastikan setiap elemen pembangunan ekonomi saling berkait dan menyokong antara satu sama lain bagi menghasilkan pertumbuhan yang inklusif dan mampan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Beta menggesa para usahawan tempatan untuk memanfaatkan peluang ini sebaiknya selain terus berganding bahu dengan kerajaan dalam merencanakan lagi aktiviti-aktiviti perekonomian negara".

Sebagai dukungan ke arah ini, titah baginda, sistem pendidikan negara perlu terus melalui proses

penambahbaikan yang strategik untuk melahirkan bakat-bakat muda yang bukan sekadar menguasai ilmu pengetahuan malah menjadi usahawan-usahawan yang berkemahiran.

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, dapat meraikan Sambutan Hari Kebangsaan NBD Kali Ke-42 dengan tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

"Sambutan kali ini sangat istimewa kerana bertepatan dengan bulan Ramadan Al-Mubarak. Kedua-duanya mengingatkan kita bahawa kemerdekaan dan puasa Ramadan tidak akan menjadi kenyataan tanpa pengorbanan, kesabaran dan keikhlasan hati kita. Sambil itu, kita juga terus membina semangat membangun ekonomi bagi kesejahteraan rakyat dan negara," titah baginda.

Sempena Hari Kebangsaan ini, baginda menyeru kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam, swasta dan rakyat serta penduduk NBD, khususnya golongan belia, untuk terus meningkatkan dan menyemarakkan semangat patriotisme melalui penglibatan aktif dalam komuniti dan aktiviti kemasyarakatan.

"Akhirnya, beta sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua petugas-petugas serta ahli-ahli jawatankuasa yang sama-sama terlibat menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 pada tahun ini, dalam suasana sambutan yang berbeza namun tetap bermakna.

"Sekali lagi, beta merakamkan ucapan terima kasih dan selamat menyambut Hari Kebangsaan kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di dalam dan di luar negeri dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah jua, Amin," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengakhiri Titah Perutusan.



42  
برساتو منجافاي جيتا نكارا  
Bersatu Mencapai Cita Negara  
23 Februari 2026

## Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disebarkan Kehadapan Majlis baginda daripada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan serta Orang-orang Kenamaan Luar Negeri sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-42, Tahun 2026, iaitu di antaranya daripada :

### Ketua-ketua Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.



HIS Majesty Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Kemboja.



HIS Majesty King Maha Vajiralongkorn Vajiraklaochayuhua, Raja Thailand.



HIS Majesty King Carl XVI Gustaf of Sweden, King of Sweden.



HIS Majesty Raja Harald V, King of Norway.



HIS Majesty Raja Willem-Alexander R., King of the Netherlands.



HIS Majesty Felipe R., Raja Sepanyol.



HIS Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.



PRESIDEN Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam.



PRESIDEN Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr.

## Ketua-ketua Negara



PRESIDEN Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.



KETUA Majlis Pentadbiran Negara dan Pemangku Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Senior General Min Aung Hlaing.



PRESIDEN Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



GABENOR Jeneral Australia, Puan Yang Terutama Sam Mostyn AC.



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Korea, Tuan Yang Terutama Kim Jong Un.



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Lee Jae Myung.



PRESIDEN Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.



PRESIDEN Persekutuan Republik Austria, Tuan Yang Terutama Alexander Van der Bellen.



PRESIDEN Republik Bulgaria, Puan Yang Terutama Iliana Iotova.



PRESIDEN Republik Czech, Tuan Yang Terutama Petr Pavel.



PRESIDEN Republik Slovakia, Tuan Yang Terutama Peter Pellegrini.



PRESIDEN Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al Sisi.



PRESIDEN Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Cyril Ramaphosa.

## Ketua-ketua Kerajaan



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.



PRESIDEN Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Masoud Pezeshkian.



PERDANA Menteri Jepun, Puan Yang Terutama Sanae Takaichi.



PERDANA Menteri United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland, The Right Honourable Sir Keir Starmer.

Setiausaha Agung



SETIAUSAHA Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn.



SETIAUSAHA Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres.

# WARGA KHEU SERTAI MAJLIS BERTADARUS DI ISTANA NURUL IMAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman (atas kanan). Manakala gambar atas, suasana di ruang jemaah perempuan ketika berlangsungnya majlis teresbut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 22 Februari. - Kira-kira 700 warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyertai Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman, yang diadakan bagi malam keempat. Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Atur cara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, manakala Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dipimpin oleh Awang

Muhammad Nur Hanis bin Ismail, bagi jemaah lelaki.

Di surau berasingan bagi jemaah perempuan pula, Sembahyang Fardu Isyak dipimpin oleh Dayang Norliza binti Abdul Jalil, manakala Sembahyang Sunat Tarawih diimamkan oleh Dayang Siti Huzaimah Yadey binti Haji.

Acara diikuti dengan tazkirah yang bertajuk 'Hidupkan Bulan Ramadan dengan Asmaul Husna:

Al-Malik (Yang Maha Berkuasa)'. Tazkirah bagi jemaah lelaki disampaikan oleh Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian, manakala bagi jemaah perempuan disampaikan oleh Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan seterusnya majlis ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

## Zakat Fitrh

BAGI TAHUN 1447H  
BERSAMAAN 2026M

Zakat Fitrh bagi tiap-tiap seorang Islam di Negara ini ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:

Beras Wangi :  
**\$ 2.84**

Beras Siam :  
**\$ 1.93**



### WAKTU MEMBAYAR

- Waktu Harus: Sejak dari awal bulan Ramadhan
- Waktu Sunat: Selepas sembahyang Subuh sehingga mendirikan sembahyang Hari Raya
- Waktu Wajib: Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadhan
- Waktu Makruh: Selepas sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya
- Waktu Haram: Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa namun wajib dibayar juga sebagai qadha kerana dikeluarkan di luar waktu.

### TEMPAT MEMBAYAR

- Kaunter Perkhidmatan JUZWAB
- Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara
- Secara atas Talian melalui:
  - DST E-Zakat
  - BIBD
  - TAIB
  - PROGRESIF
  - IMAGINE



جباتن اورولسن زكاة، وقف دار بيت المال  
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL  
Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam



# RAPTAI PENUH BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Februari. - Bagi memastikan kelancaran Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang akan diadakan pada 5 Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 23 Februari 2026 Masihi, satu raptai penuh telah diadakan pada tengah hari tadi, bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir menyaksikan raptai berkenaan, Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyaksikan raptai berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (kiri dan kanan).

Awang Haji Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, beberapa buah masjid di daerah-daerah lain turut menjadi tumpuan utama majlis.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis akan diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan



Muara; dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait, tumpuan majlis adalah di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait; dan Masjid Pekan Seria.

Sementara bagi Daerah Tutong, majlis akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; manakala bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad

Salleh, Pekan Bangar.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 pada Isnin, 5 Ramadan 1447H bersamaan 23 Februari 2026M, bermula jam 11.30 pagi.

PERMOHONAN BAHARU	
SIJIL HALAL	
1.	TUTONG NOOR RESTAURANT & CATERING
2.	THE FELINE COFFEE CO. (REMY COFFEE)
3.	RM SURAMADU RESTAURANT
4.	RESTORAN ULU KHERAINI [KANTIN SEKOLAH RENDAH SULTAN HASSAN BANGAR]
5.	RESTORAN ULU KHERAINI [KANTIN SEKOLAH RENDAH PUNI]
6.	RESTORAN ULU KHERAINI [KANTIN SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN]
7.	ENTREK (B) SDN BERHAD (JOLLIBEE) [CAWANGAN SHELL LIMAU MANIS]
8.	THE GOLDEN VILLAGE CAFE SDN BHD [CAWANGAN JALAN JERUDONG]
9.	AL-MYDIN SDN BHD [CAWANGAN LUMAPAS]
10.	ASMALIZAH SDN BHD [CAWANGAN GADONG]
11.	BINTURONG LODGE SDN BHD
12.	CENDOL IBU ENTERPRISE
13.	FRUITIME ENTERPRISE (MOMOYO)
14.	MATCHA MARATHON CO.
15.	STEAMY & CREAMY SDN HD
16.	THE BORNEO CONNECTION [CAWANGAN RBAF DEFENCE ACADEMY COMANDAN]
PERMIT	
1.	SYARIKAT LEEZ
2.	PRIMABAGUZ FOODS SDN BHD (IMPORTER: PANFRESH SDN BHD)

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Ramadan ialah masa untuk kita mengumpul segala ganjaran pahala. Marilah kita sama-sama berazam untuk memakmurkan Ramadan dengan ibadat puasa dan lain-lain ibadat seperti bertadarus Al-Quran, Sembahyang Tarawih dan qiamullail, di samping menjaga kesihatan melalui pemakanan sihat. Bulan ini juga mengajar kita kesederhanaan apabila kita menjauhi pembaziran nikmat yang ada dapat dimanfaatkan untuk memberi dan berkongsi dengan mereka yang memerlukan.

Untuk mengimarahkan bulan Ramadan seperti kelazimannya beta menyeru agar semua pihak di peringkat kementerian, jabatan dan sektor swasta serta seluruh masyarakat untuk mengisikan masa dengan beramal ibadat dan memperbanyakkan aktiviti keagamaan dan amal jariah.

Akhirnya beta dan keluarga beta dengan tulus ikhlas dan sukacita mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadat Puasa kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati Ramadan kita serta mengizinkan kita berpuasa dalam suasana aman damai dan sejahtera.

Dalam kesempatan ini kepada Masyarakat Tionghua di negara ini, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa bagi bulan Januari 2026, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit sama ada bagi permohonan baharu atau pembaharuan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Dalam jumlah tersebut, permohonan baharu Sijil Halal adalah sebanyak 16 telah diluluskan manakala permit pula diluluskan sebanyak dua permohonan. Seterusnya, bagi Permohonan Memperbaharui Sijil Halal dan permit pula di mana sebanyak 29 permohonan Sijil Halal telah diluluskan dan permit pula sebanyak lima permohonan telah diluluskan.

Bagi orang ramai yang ingin mengetahui senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan / atau permit, sama ada bagi permohonan baharu atau pembaharuan oleh MUIB, awda boleh merujuk kepada infografik yang disediakan.

Bagi mendapatkan senarai lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit MUIB, orang ramai bolehlah melayari laman

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

sesawang rasmi KHEU di [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn) atau boleh merujuk Instagram Bahagian Kawalan Makanan Halal @halal.bn untuk maklumat dari semasa ke

semasa.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui WhatsApp menerusi talian +673 7103111 atau e-mel ke [bkmh@mora.gov.bn](mailto:bkmh@mora.gov.bn).

PERMOHONAN MEMBAHARUI	
SIJIL HALAL	
1.	MYTOWN EATING HOUSE
2.	HAVELI RESTAURANT & CATERING SERVICES (FKA: AR RUHMA RESTAURANT & CATERING SERVICES)
3.	STAR LODGE
4.	DELICIOUS JO FOOD (AUNTIE ANNE'S) [CAWANGAN ONE CITY]
5.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN CENTREPOINT]
6.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN HUA HO TANJUNG BUNUT]
7.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN KILANAS]
8.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN YAYASAN]
9.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN RIMBA POINT]
10.	SATAMI FOOD AND CATERING SERVICES (SUGAR BUN) [CAWANGAN GADONG]
11.	SATAMI FOOD AND CATERING SERVICES (SUGAR BUN) [CAWANGAN TIMES SQUARE]
12.	SATAMI FOOD AND CATERING SERVICES (SUGAR BUN) [CAWANGAN SENGKURONG]
13.	SATAMI FOOD AND CATERING SERVICES (SUGAR BUN) [CAWANGAN HUA HO MALL MANGGIS]
14.	SATAMI FOOD AND CATERING SERVICES (SUGAR BUN) [CAWANGAN ONE CITY, SUNGAI HANCHING]
15.	TIMES CINEPLEX SDN BHD (CAWANGAN TIMES SQUARE)
16.	KING LIANG BAKERY
17.	MEE KILANG ENTERPRISE
18.	YA-NUR RESTAURANT [CAWANGAN GADONG]
19.	ALL SEASONS DIM SUM [CAWANGAN AMANHILLS]
20.	ALL SEASONS DIM SUM [CAWANGAN ONE CITY SHOPPING CENTRE]
21.	ALL SEASONS DIM SUM [CAWANGAN TIMES SQUARE]
22.	ENTREK (B) SDN BHD (JOLLIBEE) [CAWANGAN SHELL LAMBK KANAN]
23.	ROSSOFILLAH RESTAURANT & CATERING SERVICES
24.	SHINOBU SUSHI RESTAURANT (WAYBACK BURGERS)
25.	SHINOBU SUSHI RESTAURANT (WAYBACK BURGERS) (CAWANGAN KIUIAP)
26.	RESTORAN C.A. AHMED
27.	BRUKORI SDN BHD
28.	EATS RESTAURANT
29.	HIGHER CAFE SDN BHD
PERMIT	
1.	MEE KILANG ENTERPRISE
2.	HAJI MOHAMMAD BIN TIMBANG AND SONS COMPANY
3.	AL-BARAKAH COMPANY
4.	OXYHIN ENTERPRISE
5.	GREAT TASTE RESTAURANT

# JPM BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda,

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis berlangsung petang tadi di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir bagi mengetuai rombongan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Bacaan Surah Yaa Siin dibacakan oleh Timbalan Mufti

Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, diikuti dengan bacaan Tahliil beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Mufti Buhuth, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof.

Manakala, Doa Tahliil dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Majlis merupakan antara acara keagamaan tahunan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, yang dikelola oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-undang, JPM; Jabatan Adat Istiadat Negara; dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri selaku Pengendali Bersama bagi acara tahun ini.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya, serta jemputan-jemputan khas.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**YANG** Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir bagi mengetuai rombongan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



## JPM semarakkan Majlis Bertadurus di Istana Nurul Iman

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Februari. - Kira-kira 700 warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyertai Majlis Bertadurus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman, yang diadakan bagi malam ketiga.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Hadir sama, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz manakala Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah dipimpin oleh Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Abas, Alumni Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkih, bagi jemaah lelaki.

Di surau berasingan bagi jemaah perempuan pula, Sembahyang Fardu Isyak dipimpin oleh Nazir Khas, Bahagian Kenaziran, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Dayang Taibah binti Haji Timbang manakala Sembahyang Sunat



**YANG** Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Majlis Bertadurus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Surau, Istana Nurul Iman (atas dan bawah).

Tarawih diimamkan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Bahagian Kenaziran, JPI, Dayang Erny Azrena binti Haji Hassan.

Majlis diikuti dengan tazkirah yang bertajuk 'Al-Hadi (Yang Maha Pemberi Petunjuk)'. Tazkirah bagi jemaah lelaki disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Abdul Muiz bin Haji Amat, manakala bagi jemaah perempuan disampaikan oleh

Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan seterusnya majlis ditutup dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, pegawai-pegawai JPM serta pegawai-pegawai dan guru-guru ugama dari JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama.



# TADARUS AL-QURAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BUKA TIRAI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya membuka tirai Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, bertempat di Surau Kementerian berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Baqarah Juzuk 1 diketuai oleh wakil-wakil daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah (ITQSHHB), iaitu Awang



**KEMENTERIAN** Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya membuka tirai Majlis Tadarus Al-Quran sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi (atas dan atas kiri).

Muhd. Abdul Wasi' bin Haji Mohd. Salleh, Awang Mohammad Haziq Muzakir Azem bin Azmi, dan Awang Abdul Wa'ie bin Haji Wahid bersama qari dan qariah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan

di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selepas membaca Al-Quran.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang, Dayang Aldila binti Haji Mohamed Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah

Kerja Raya, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya dan dijadualkan akan berlangsung selama dua minggu di surau kementerian berkenaan.

## Meningkatkan kerjasama, integrasi sektor pengangkutan



**NEGARA** Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Persidangan Kedua Menteri-menteri Pengangkutan Organization of Islamic Cooperation (OIC) yang telah diadakan pada 12 Februari 2026 di Istanbul, Republic of Türkiye, dengan tema 'Memperkuh Kesalinghubungan Pengangkutan untuk Memperdalam Ukhuwah dalam Kalangan Negara-negara Anggota OIC'.

Persidangan tersebut menegaskan semula usaha kolektif untuk meningkatkan kerjasama, integrasi dan pembangunan mampan dalam sektor pengangkutan di seluruh dunia Islam.

NBD telah diwakili oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha.

Presiden Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan dalam perutusan video kepada para Menteri Pengangkutan OIC, telah menyeru agar integrasi pengangkutan yang lebih kukuh dalam kalangan negara anggota OIC dipertingkatkan.

Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan menyatakan bahawa selain memudahkan pergerakan barangan dan orang ramai, pengangkutan juga telah muncul sebagai elemen penting dalam pembangunan, kelebihan daya saing dan integrasi serantau.

Sehubungan itu, rangkaian pengangkutan yang cekap, boleh dipercayai dan bersepadu adalah penting bagi memanfaatkan kelebihan geografi dunia Islam menjadi kekuatan ekonomi strategik.

Sebanyak 28 ketua delegasi, termasuk NBD, telah

menyampaikan Kenyataan Umum yang menggariskan keutamaan nasional dan pandangan masing-masing dalam memajukan kesalinghubungan serta kerjasama pengangkutan dalam kalangan Negara-negara Anggota OIC.

Dalam kenyataannya, Yang Berhormat menekankan peranan penting sektor pengangkutan dan logistik sebagai pemangkin kepada kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial serta pemeliharaan kepentingan negara.

Yang Berhormat turut menyetujui hasrat NBD untuk meningkatkan sumbangan sektor pengangkutan kepada ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga menegaskan kepentingan keselamatan pengangkutan dan infrastruktur berkualiti tinggi sebagai asas penting bagi memastikan kelancaran pengangkutan dan logistik. Pelaburan berterusan

## Kerja penyelenggaraan SPD akan dilaksanakan bermula 5 Mac

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kerja-kerja penyelenggaraan Sistem Pengangkutan Darat (SPD) akan dilaksanakan bermula Khamis, 5 Mac 2026, jam 3.00 petang hingga Ahad, 8 Mac 2026, jam 11.59 malam.

Di sepanjang tempoh penyelenggaraan berkenaan, semua perkhidmatan JPD secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi TransportBN dan portal GOV.BN tidak akan dapat diakses.

JPD memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan serta kerjasama orang ramai sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja penaitaratan berkenaan.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau e-mel [hello@jpd.gov.bn](mailto:hello@jpd.gov.bn).

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang [www.jpd.gov.bn](http://www.jpd.gov.bn) serta Instagram rasmi [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn).

dalam infrastruktur lapangan terbang dan pelabuhan laut, bersama penerapan teknologi secara strategik, kekal menjadi teras dalam merealisasikan aspirasi pengangkutan dan kesalinghubungan NBD.

Sebagai organisasi antara kerajaan kedua terbesar di dunia, OIC dan Persidangan Menteri-menteri Pengangkutannya menyediakan platform penting untuk memperdalam kerjasama pengangkutan dalam kalangan negara anggota bagi menggalakkan perdagangan, pelancongan dan pelaburan, khususnya melalui pengembangan kesalinghubungan udara dan maritim di rantau OIC.

Hubungan pengangkutan yang dipertingkatkan bukan sahaja akan memudahkan cara pergerakan barangan dan orang ramai secara selamat, boleh dipercayai dan mampan, malah turut memperkuh keupayaan bantuan kemanusiaan apabila diperlukan.

Di persidangan tersebut

berlangsung, Yang Berhormat telah mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur Republic of Türkiye, Tuan Yang Terutama Abdulkadir Uraloglu.

Perbincangan tersebut meneroka potensi kerjasama dalam pembangunan penerbangan dan maritim, serta kerjasama lebih luas dalam bidang logistik dan infokomunikasi, dengan tujuan untuk terus memperkuh hubungan dua hala dan perdagangan antara NBD dan Republik Türkiye.

Turut serta, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Türkiye, Tuan Yang Terutama Noni Zurainah binti Haji Ismi serta pegawai-pegawai kanan dari MTIC, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Kedutaan Besar NBD di Republik Türkiye.

# MENINGKATKAN KERJASAMA KEHAKIMAN, PEMBINAAN KAPASITI DALAM ASEAN



**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar bersama-sama delegasi dari Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini mengadakan kunjungan hormat dan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Chief Justice of the Supreme Court of the Philippines, The Honorable Alexander G. Gesmundo di Manila, Republik Filipina.**

**MANILA, Sabtu, 21 Februari.** - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Awang Steven Chong Wan Oon, bersama-sama delegasi dari Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD), baru-baru ini telah mengadakan kunjungan hormat dan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Chief Justice of the Supreme Court of the Philippines, The Honorable Alexander G. Gesmundo di Manila, Republik Filipina.

Ketua Hakim Mahkamah Besar mengesahkan semula

komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memperkukuh penglibatan kehakiman serantau sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk meningkatkan kerjasama kehakiman dan pembinaan kapasiti dalam ASEAN.

Selain itu, Ketua Hakim Mahkamah Besar juga menyatakan minat untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan kehakiman dengan Supreme Court of the Philippines dan Philippine Judicial Academy

(PHILJA), sebagai institusi pendidikan kehakiman terkemuka di rantau berkenaan.

Kedua-dua Ketua Hakim juga membincangkan jalan untuk kerjasama yang lebih erat, terutamanya dalam bidang seperti mediasi dan penyelesaian pertikaian yang dilampirkan kepada mahkamah, pentadbiran mahkamah, dan latihan untuk kakitangan mahkamah seperti bailiff, kerani dan penyampai proses yang menyokong tugas mahkamah.

Mesyuarat dua hala berkenaan diteruskan dengan

## Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam

Ketua Hakim dan delegasi menghadiri taklimat 2026 Advanced Courses of The Hague Academy of International Law (THAIL) mengenai The Role of International Law in Advancing ASEAN Judiciaries.

Program 2026 di Republik Filipina bertujuan untuk menyediakan latihan khusus dalam undang-undang antarabangsa awam dan swasta bagi meningkatkan kapasiti kehakiman dengan melengkapkan badan kehakiman ASEAN dengan pengetahuan dan alat undang-undang antarabangsa yang lebih maju untuk menangani isu rentas sempadan dan undang-undang antarabangsa yang kompleks.

Program berkenaan menekankan peranan undang-undang antarabangsa dalam memajukan badan kehakiman ASEAN ke arah kerjasama serantau, kestabilan dan pembangunan serantau yang lebih kukuh.

Program berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Chancellor of the PHILJA, The Honorable Rosmari D. Carandang. Ucapan pembukaan turut disampaikan oleh Associate Justice of the Supreme Court of the Philippines, The Honorable Amy C. Lazaro-Javier.

Diikuti dengan ucapan daripada President of the Curatorium of the Hague Academy of International Law,

Profesor Diego P. Fernández Arroyo; Secretary-General of the Hague Academy, Profesor Jean-Marc Thouvenin; dan Secretary-General of the Hague Conference on Private International Law, Dr. Christophe Bernasconi.

Ucapan utama bertajuk 'The Philippine Judiciary Approach to International Law' telah disampaikan oleh The Honorable Alexander G. Gesmundo.

Program pada 13 Februari 2026 diteruskan dengan syarahan utama dari Profesor Diego P. Fernández Arroyo mengenai perkembangan semasa dalam undang-undang antarabangsa. Ini diikuti dengan sesi mengenai The General Relevance of International Law for ASEAN Judiciaries, yang merangkumi aspek undang-undang antarabangsa persendirian, yang disampaikan oleh Dr. Christophe Bernasconi, serta aspek undang-undang antarabangsa awam, yang disampaikan oleh Profesor Jean-Marc Thouvenin.

Penyertaan Ketua Hakim Mahkamah Besar dan delegasi dari NBD menggariskan komitmen berterusan Mahkamah Tinggi NBD terhadap pendidikan kehakiman, kerjasama serantau, dan penglibatan konstruktif undang-undang antarabangsa dalam memajukan pentadbiran sistem keadilan dalam ASEAN.

## Sahur Saturday Last Kopek dirasmikan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS, Sabtu, 21 Februari.** - Progresif dengan kerjasama Big BWN serta sokongan padu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah merasmikan Edisi Ke-10 dan Terakhir Sahur Saturday Big BWN yang dikenali sebagai Edisi Last Kopek yang berlangsung di Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Berlangsung selama tiga Sabtu berturut-turut, bermula 21 Februari hingga 7 Mac 2026, Sahur Saturday menjadi tradisi Ramadan yang dinanti-nantikan, menghimpunkan komuniti, perniagaan kecil dan pengisian kerohanian dalam satu ruang yang meriah.

Kini memasuki Edisi Ke-10 dan Terakhir, Last Kopek menjadi simbol perayaan serta penghargaan terakhir kepada sebuah inisiatif yang secara konsisten memperjuangkan usahawan tempatan dan memperkukuh ekosistem Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Progresif dengan bangganya bekerjasama bersama Big BWN menganjurkan Sahur Saturday selama dua tahun berturut-turut, memperkukuh komitmen bersama

dalam menyokong perniagaan tempatan serta mewujudkan platform berteraskan komuniti sepanjang bulan Ramadan.

Sejak penubuhannya, Big BWN memainkan peranan penting dalam menyediakan platform yang mudah diakses untuk PMKS mempamerkan perniagaan mereka, berhubung terus dengan pelanggan dan memperluas pengaruh dalam pasaran tempatan.

Edisi terakhir ini menghimpunkan lebih 100 vendor merangkumi makanan dan minuman, gaya hidup serta produk runcit, mencerminkan kepelbagaian, kreativiti dan daya tahan komuniti keusahawanan NBD.

Kerjasama bersama Progresif mencerminkan komitmen bersama dalam memperkasa perniagaan tempatan dan menggalakkan penyertaan ekonomi yang inklusif, sejajar dengan fokus Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Progresif terhadap pembangunan komuniti dan pertumbuhan mampan.

Sementara itu, Naib Presiden Inovasi Digital, Komersial & Inovasi, Progresif, Awang Mohammad Haziq bin Haji Mohd. Sahrif menjelaskan bahawa sepanjang dua tahun kebelakangan ini, kerjasama mereka dengan Big BWN membantu PMKS tempatan mengadaptasi pembayaran digital

dan menarik lebih ramai pelanggan baharu.

"Melalui Ding!, kami membolehkan transaksi digital yang selamat dan lancar, di samping memberikan perniagaan gambaran yang lebih jelas terhadap jualan serta peluang untuk berkembang.

"Walaupun ini merupakan edisi terakhir Sahur Saturday, Ding! akan terus menyokong penganjur acara tempatan dan usahawan dalam inisiatif *pop-up* serta program berteraskan komuniti pada masa hadapan.

"Kami kekal komited untuk menyokong keterangkuman kewangan dengan menjadikan pembayaran digital lebih mudah diakses oleh usahawan dan komuniti di seluruh Brunei," jelasnya.

Selain suasana jualan yang meriah, Sahur Saturday turut mengekalkan semangat Ramadan yang lebih mendalam. Setiap malam Sabtu, aktiviti keagamaan dan ceramah inspirasi yang memfokuskan kepada pembangunan belia serta ibadah sepanjang bulan suci dikendalikan oleh Belia Imtiaz dan Kumpulan Babussalam, sekali gus mewujudkan ruang bermakna untuk refleksi, pembelajaran dan ukhawah.

Gabungan elemen perniagaan, komuniti dan kerohanian ini menjadikan acara ini lebih daripada sekadar bazar jualan tetapi sebagai ruang bersama dalam memperluaskan rezeki dan meningkatkan keimanan.

Sepanjang acara, para



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Edisi Ke-10 dan Terakhir Sahur Saturday Big BWN yang dikenali sebagai Edisi Last Kopek.**

pengunjung turut menikmati pelbagai manfaat tambahan melalui penawaran digital Progresif termasuk ganjaran tunai pengaktifan dompet bernilai BND10, cenderamata eksklusif Ding! serta peluang menyertai Kempen Ding to Fly yang sedang berlangsung.

Ketersediaan 'tarusQR' dalam kalangan vendor yang mengambil bahagian diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha lebih luas untuk mempromosikan pengalaman tanpa tunai yang mudah dan selesa bagi peniaga serta pengunjung.

Ini membolehkan peniaga menerima pembayaran bukan sahaja melalui Ding!, malah daripada dompet digital dan bank lain yang turut serta. Menutup perjalanan sedekadnya, Edisi Last

Kopek menjadi penghormatan kepada para usahawan, rakan kerjasama, kumpulan belia dan ahli komuniti yang telah menyokong serta membentuk kejayaan Sahur Saturday selama ini.

Walaupun ini merupakan edisi terakhir bagi Sahur Saturday, semangat kerjasama, pemerkasaan dan kemajuan bersama yang telah dipupuk diharapkan akan terus menginspirasi inisiatif masa hadapan dalam memperkasa perniagaan tempatan dan memperkukuh landskap PMKS NBD sepanjang Ramadan dan seterusnya.

Untuk maklumat terkini, ikuti Instagram dan Facebook Progresif di @thatprogresif serta Instagram Big BWN di @bigbwnproject.

# PERTIWI DAERAH BELAIT ANJUR PROJEN JUALAN AMAL MENJELANG HARI RAYA



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan Projek Jualan Amal Menjelang Hari Raya tersebut (kiri dan atas).

## Berita dan Foto : Noraisah Mohamed

**SERIA**, Ahad, 22 Februari. - Projek Jualan Amal Menjelang Hari Raya yang diadakan oleh Persatuan PERTIWI setiap tahun telah banyak membantu kaum wanita terutama dalam kalangan ahli-ahli persatuan meningkatkan pendapatan sampingan.

Sehubungan itu, persatuan berkenaan melancarkan Projek Tradisi Jualan Amal Menjelang Hari Raya yang bertema 'Membeli Sambil Menderma' buat kali ke-40 sejak diadakan tahun 1986.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan projek berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua

Kampung Bukit Sawat.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran rombongan dari Majlis Perundangan Mukim (MPM) Serasa diketuai oleh Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan dan Timbalan Pengerusi MPM Serasa bersama 33 orang Ahli Jawatankuasa Tertinggi, ketua biro, ahli dan penduduk mukim Serasa.

Majlis berlangsung di Dewan Pejabat Daerah Seria dan dipengerusikan oleh Pengerusi Persatuan PERTIWI Daerah Belait, Dayang Fatimah binti Tanji.

Antara ahli-ahli yang menyertai projek tradisi terdiri dari kalangan remaja, suri rumah tangga dan ibu tunggal dari kalangan Ahli Persatuan PERTIWI sendiri.

Penyertaan disyaratkan untuk mengambil kira segala syarat

seperti pemeriksaan kesihatan, penggunaan bahan-bahan yang berkualiti dalam pembuatan kuih-muih yang berbentuk biskut, kek dan sebagainya untuk keperluan orang ramai menyambut Hari Raya Aidilfitri setelah menjalani ibadah puasa.

Sebanyak 24 petak jualan kuih-muih disediakan mengikut jarak yang ditetapkan.

Orang ramai boleh membuat pilihan membeli kuih-muih yang lebih berkualiti dan trend terkini.

Antara jenis jualan yang dijual seperti beraneka biskut, kek lama dan terkini, acar, dodol serta gubahan bunga bagi memeriahkan lagi persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Sementara di bahagian luar bangunan juga diadakan jualan persediaan berbuka puasa dan jualan barang terpakai selain menyediakan sumbangan sedekah

barang terpakai yang masih boleh digunakan bagi yang memerlukan, setiap yang berhajat boleh mengambil satu plastik seorang.

Jualan amal ini diunggayahkan dalam usaha memberi pilihan kepada orang ramai membuat persiapan menjelang Hari Raya lebih awal selain mendapat sambutan dari orang ramai yang berbilang bangsa dan sangat mengalakkan.

Perniagaan beroperasi bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam sepanjang bulan Ramadan bermula hari ini hingga hari penglihatan anak bulan Syawal.

Dalam melaksanakan jualan amal, setiap ahli juga diberi saranan dari Jawatankuasa Penyelaras Jualan untuk menjaga baik semua bahan-bahan yang digunakan halal dan bahan-bahan yang sesuai untuk pembuatan biskut, kek dan sebagainya termasuk harga jualan yang berpatutan, mampu milik

pelanggan.

Persatuan PERTIWI berbesar hati atas kunjungan orang ramai sebagai pelanggan tetap membeli kuih raya dengan tidak secara langsung mereka juga turut menderma.

Dengan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran, Jabatan Belia dan Sukan dan jabatan lain-lain telah memudahkan NGO melaksanakan program kegiatan yang ada di daerah ini.

Hadir sama, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kerajaan, wakil-wakil Majlis Perundangan Kampung serta biro wanita, wakil-wakil persatuan, wakil-wakil persatuan khususnya di Daerah Belait.

## KOTIBA adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii, Doa Arwah



**TANAH JAMBU**, Ahad, 22 Februari. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) menganjurkan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii dan Doa Arwah bagi Ahli-ahli KOTIBA yang telah kembali ke rahmatullah dan diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim bagi enam buah kampung.

Seramai 47 orang anak yatim dari Kampung Sungai Hanching, Kampung Sungai Tilong, Kampung Manggis, Kampung Salambigar, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Salar telah menerima sumbangan pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid Kampung Tanah Jambu.

Sumbangan diteruskan dengan

penyampaian derma sempena Majlis Tadarus di bulan Ramadan kepada tiga buah masjid iaitu Masjid Kampung Sungai Hanching, Masjid Kampung Salambigar dan Masjid Kampung Tanah Jambu yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga KOTIBA dengan Tanggungan Berhad, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso juga selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, yang dipimpin oleh Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kebajikan dan Keugamaan (JKKK), diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlii dan Doa

Arwah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Tanah Jambu, Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh.

Penyampaian derma kepada anak-anak yatim ini merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan tahunan yang dikendalikan oleh KOTIBA dengan Tanggungan Berhad melalui JKKK bagi sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan dan Syawal yang bakal tiba.

Turut hadir, Setiausaha KOTIBA serta Ahli-ahli Lembaga KOTIBA; Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohammad Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah dan Ketua Kampung Tanah Jambu / Salar, Awang Shamsul

**KOPERASI** Persatuan TIBA (KOTIBA) menganjurkan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii dan Doa Arwah bagi Ahli-ahli KOTIBA yang telah kembali ke rahmatullah dan diselajurkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim bagi enam buah kampung (atas kiri dan atas).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**  
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Nizam bin Awang Haji Abdul Latiff. Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Salambigar / Sungai Hanching, Awang Mohamad Sukairi bin Haji Abd. Rahman; Ketua Kampung Sungai Tilong, Pengiran Haji Md. Ruzaimi bin Pengiran Haji Shahbuddin; Pemangku Ketua Kampung Manggis, Awang Omar bin Haji Mohd. Alli; Imam-imam masjid Kampung Tanah Jambu, Salambigar dan Sungai Hanching;

Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu serta ahli-ahli koperasi dan penduduk setempat.

Majlis berkeabajikan seumpama ini merupakan aktiviti tahunan Bahagian Kebajikan dan Keagamaan, KOTIBA selaras dengan objektifnya untuk sama-sama mengimarahkan bulan suci Ramadan dan membantu mereka yang memerlukan di sekitar tadahan KOTIBA.

# سوره ي

## منشو كوري نعمت كمرديكان دبولن يغ موليا

تروس برأوسها ماحوكن نكارا كاره منجافاي واوسن بروني ٢٠٣٥. باكي مستيكن كجايان واوسن اين، كيت هندقله منام دان ميماركن سماغت كبغسان، مفركو كوه فرقادوان سرتا برساتو هاتي دالم منظاهيركن طاعة ستيا يغ تيدق بريله بهاكي كقد راج دان نكارا.

ستيايف رعيت دان فندودوق دبومي دارالسلام يغ برتواه اين هندقله بركانديغ باهو دان مغكبليلغ تناك، ممانكن فرانس ماسيغ-ماسيغ سرتا منجادينك ديري مريك سباكاي اسيت يغ برنيلاي دالم اوسها مباحونكن نكارا كاره مرياليساسيكن متلامت واوسن بروني ٢٠٣٥.

اخيرن، سباكاي تندا كشوكون كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى اُتس ليمغه رحمة دان نعمت كمرديكان يغ تله ذكورنياكن، ماريله كيت برسام-سام منظاهيركن راس شكور اين دغن مفربايقكن دعاء دان عمل صالح، خصوصن دبولن رمضان يغ فنهو كبركن اين. برسمننا سميوتن هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام يغ ك-٤٢ تاهون، ماريله كيت ممنحنك دعاء كحضرة اِله اُكر نكارا بروني دارالسلام سنتياس ككل سباكاي سبواه نكارا يغ مرديكاي، بردولت، امان دان معمور. سموك كبركن رمضان اين مفرتكوه ايمان دان فرقادوان كيت سرتا مباوا رحمة يغ برفنجنن كقد بومي دارالسلام يغ ترجينتا اين. آمين يا رَبِّ العالمين.

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! برذكرله مغايغت الله دغن ذِكر يغ سباق-بايقن. دان برتسيحله كقدن فد وقتو فاكي دان فتغ. دباله يغ مغورنياكن رحمة كقد كامو دان ملائكة-ملائكن فولا (بردعاه موهونكن امقون باكي كامو) اونتوق مغلواركن كامو درقد ككلفن-ككلفن (كفور) كقد جهاي (ايمان). دان دي اداله مها فغاسيه كقد اورغ-اورغ يغ برلمان.

{سورة الأحزاب آية: ٤١-٤٣}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

يغ برقواسا، اكن دسرو اوليه فنجاكن: دمانكه اورغ يغ برقواسا؟ مك مريك يغ برقواسا فون باغون (ماسوقين)، تيدق اد يغ اكن ماسوقين ملاينكن مريك سهاج. اقبيل مريك ماسوقين، فينتو ايت اكن دتوتوف، مك تباد سياف لاكي يغ اكن دافت ماسوقين.

سسوغيكوهن شرك ايت امت اينده دان ترالو ماهل هركن. سوده فسني، اونتوق ماسوقين مملوكن رحمة الله سُبحانه وَتعالى يغ مها لواس، سرتا اوسها يغ برسوغيكوه-سسوغيكوه درقد همبا-همبان. رمضان اداله ميدان لائيهن تربايك اونتوق ممنتوق ديري اكر لايق نمريما اُنوكره يغ اكوغ ايت. جوسرتو، برقواساله بوكن سقدر مناهن لافر دان دهاك، اكن تئافي جاديكله اي سباكاي حالن منوجو كامقون، رحمة دان فينتو شرك الريان يغ تله دجنجيك اوليه الله سُبحانه وَتعالى.

جماعه يغ درحمي الله،

رمضان فد تاهون اين امت استيميو اكران برتقن دغن سميوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نكارا بروني دارالسلام يغ ك-٤٢، منجادينك بولن يغ فنهو كبركن اين لبيه برمعني بوات كيت سموا. سباكاي رعيت دان فندودوق يغ برناوغ دبومي دارالسلام يغ ترجينتا اين، كيت هندقله سنتياس منظاهيركن راس شكور كحضرة الله سُبحانه وَتعالى اُتس نعمت كامانن، نعمت كسجهزان دان نعمت كمعمورن يغ ذكورنياكن كقد كيت هيغك كهاري اين. سموك كبركن رمضان اين مفركو كوه لاكي سماغت كساتوان دان جينتاكن تانه اير دالم ديري ستيايف رعيت دان فندودوق بومي برتواه اين.

سموا اين اداله دغن اذن الله سُبحانه وَتعالى جوا دان اُتس كبيجسنان كقيمقين راج كيت يايث كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام. بكندا سنتياس برفكغ تكوه كقد اجرن اكام اسلام دان منجادينك اسلام سباكاي اساس اوتام دالم كهيدوقن برمشاركت دان برنكارا.

جماعه يغ درحمي الله،

سباكاي اتق وطن دان بغسا بروني يغ مرديكاي، ماريله كيت برسام-سام

جماعه يغ درحمي الله، برتقوي له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن منيغكنن كيلمانن كقدن. سسوغيكوهن اورغ يغ فاليلغ مليا دسيسا الله سُبحانه وَتعالى ايت ايله اورغ يغ فاليلغ برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبحانه وَتعالى، براوله كجاين دان كسلامن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمدلله، بولن رمضان يغ موليا كيني داتغ لاكي، بولن يغ دفتوهي دغن رحمة دان مغفيرة. اينله بولن يغ مغالير قدن لاوتن كامقون، دبوكا سلواس-لواسن فينتو-فينتو شرك دان دتوتوف رافت فينتو-فينتو نراك. مك، ائفكه روكنن جك فلواغ كامسن اين كيت بياركن برلالو بكتيو سهاج تنفا دمنفتكن دغن سبايكن.

رمضان اداله بولن يغ دانو كرهكن الله سُبحانه وَتعالى كقد اومت اسلام دغن ليمقين رحمة، دمان ستيايف عمل عبادة يغ دلاكون اكن دكدناكن فهران. اوليه ايت، امت براونوغله باكي مريك يغ مريوت كنجارن يغ تله دجنجيك اوليه الله سُبحانه وَتعالى، دان امت روكيله مريك يغ منسيا-سبايكن فلواغ يغ تيدق ترنيلاي اين. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرِسْدَا: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

مقصودن: بارغسياف يغ مندريكن رمضان دغن فنهو كيلمانن دان فنهو فقهارفن، مك اكن دامقونكن دوسان يغ تله لالو. {حديث رواية امام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

سسوغيكوهن الله سُبحانه وَتعالى تله منجنجيك كنجارن يغ ساعث بسر دان استيميو باكي همبا-همبان يغ برقواسا دغن فنهو كيلمانن دان فنهو فقهارفن. انتارا كنجارن ترسيوت ايله، فد هاري اخيرة كلق، الله سُبحانه وَتعالى اكن ميدياكن ساتو فينتو درقد فينتو-فينتو شرك يغ دخاصكن اونتوق اورغ-اورغ يغ برقواسا. دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوليه امام مسلم، درقد سهل بن سعد رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرِسْدَا: بِرِمَقْصُودٍ: سَسُوغِيكُوْهِن دَشْرَكَ اد سَاتُو فَيِنْتُو يَغ دَبْرِي نَام الرِيَان، يَابِت فَيِنْتُو مَاسُوقِ بَاكِي اُورْغ يَغ بِرُقُوَاسَا دَهَارِي قِيَامَةِ نَتِي. تيدق اكن ماسوق درقد فينتو ايت كجوالي اورغ

# RAKYAT HAYATI MAKNA KEMERDEKAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Arifah Mohammad Aliwaridi, penempatan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Unit Foto, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 22 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan (HK) yang diraikan pada setiap 23 Februari merupakan detik bersejarah yang sentiasa terpahat dalam jiwa rakyat negara ini.

Walaupun usia kemerdekaan telah menjangkau 42 tahun, ia bukan alasan untuk kita alpa atau melupakan pengorbanan generasi terdahulu yang berjuang mempertahankan tanah air. Sebaliknya, tempoh tersebut wajar dijadikan cerminan untuk menilai sejauh mana kita telah mengisi kemerdekaan dengan pembangunan, perpaduan dan kemajuan.

Sambutan HK juga menjadi platform untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda. Ia juga mengingatkan kita tentang tanggungjawab bersama untuk mempertahankan keamanan, menghormati undang-undang serta mengekalkan keharmonian hidup berbilang lapisan masyarakat.

Awang Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, 22 tahun, dari Kampung Lambak, Jalan Pasir Berakas, mahasiswa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melahirkan rasa syukur apabila diberi peluang menjadi salah seorang Ahli Pasukan Ikrar HK Ke-42 pada tahun ini.

Menurutnya, HK merupakan hari bersejarah yang menyatukan seluruh lapisan rakyat untuk bersama-sama meraikannya dalam suasana penuh semangat dan perpaduan.

"HK kepada saya adalah hari di mana semua rakyat hadir bersama-sama bagi meraikan detik penuh makna ini," jelasnya yang ditemui pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan HK NBD Ke-42, Tahun 2026 di ibu negara, baru-baru ini.

Pada tahun ini, Pasukan Ikrar HK Ke-42 terdiri daripada 46 peserta daripada pelbagai latar belakang, mencerminkan kepelbagaian dan

kesatuan rakyat negara ini. Penyertaan tersebut disifatkan sebagai satu amanah besar yang perlu digalas dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan.

Awang Adib Zainul Zaky turut menekankan bahawa generasi muda memainkan peranan penting dalam memajukan negara. Katanya, belia sebagai pewaris kepimpinan masa hadapan perlu aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan, di samping sentiasa meningkatkan kemahiran insaniah agar mampu bersaing secara sihat dalam arus perubahan zaman yang pesat.

Sebagai rakyat NBD, beliau berpendapat sumbangan yang boleh diberikan adalah menjunjung serta mentaati perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda, di samping menuntut ilmu dengan cemerlang untuk kesejahteraan dunia dan akhirat serta sentiasa bersedia menyahut panggilan negara apabila diperlukan.

Sementara itu, semangat patriotisme dan komitmen berterusan terhadap negara juga terpancar dalam diri Dayang Zuninah binti Haji Mohammad dari Kampung Birau, Tutong, yang kini memegang jawatan sebagai Penolong Komandan, Persatuan Bulan Sabit Merah NBD mewakili Daerah Tutong.

Beliau telah menyertai Persatuan Bulan Sabit Merah NBD sejak di bangku sekolah rendah pada tahun 1989 dan sehingga ke hari ini, beliau terus aktif menyumbang khidmat bakti khususnya dalam acara-acara besar negara termasuk Sambutan HK.

Menurut beliau, HK yang disambut setiap 23 Februari membawa makna yang amat besar kepada rakyat dan negara. "HK adalah lambang perpaduan dan komitmen seluruh lapisan masyarakat. Sambutan ini sentiasa

melahirkan perasaan patriotik yang mendalam, kesetiaan serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat," ujarnya.

Tambahnya lagi, sambutan tersebut menjadi simbol komitmen bersama untuk memajukan negara, menyemai semangat cinta tanah air serta meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat dan bernegara.

Mengulas penglibatan beliau setiap tahun, Dayang Zuninah bersyukur kerana sentiasa diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam sambutan berkenaan bersama Persatuan Bulan Sabit Merah. Katanya, peranan yang digalas bukan sekadar penyertaan biasa, malah melibatkan tanggungjawab besar dalam memastikan kelancaran acara.

"Tugas saya adalah memastikan kesiapsiagaan pasukan medik untuk merawat sebarang kecemasan dalam kalangan peserta dan pengunjung perbarisan," jelasnya.

Bagi Dayang Zuninah, sumbangan yang mampu diberikan kepada NBD adalah melalui khidmat pertolongan cemas dan komitmen tinggi dalam menjaga kesihatan serta keselamatan awam. Usaha ini selaras dengan semangat disiplin dan kebangsaan yang menjadi teras dalam menjayakan Sambutan HK.

Sempena Sambutan HK Brunei Ke-42, Dayang Zuninah turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan menyatakan tekad untuk terus menabur bakti demi mendukung wawasan negara yang gemilang dan bersatu padu.

Manakala Dayang Hajah Linda binti Haji Abdullah, dari Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan pula menyatakan bahawa Sambutan HK bukan sekadar cuti umum, sebaliknya merupakan detik penting untuk memperingati sejarah perjuangan dan pengorbanan dalam mencapai kemerdekaan serta memupuk semangat cinta akan tanah air.

Memegang jawatan sebagai seorang Guru Pengawas di Pusat Tingkatan Enam Meragang dan

juga Penolong Bendahari Kehormat I, Persatuan Pandu Puteri Brunei

Darussalam (PPPBD), beliau juga menjelaskan bahawa HK membawa makna besar sebagai penanda kebebasan sesebuah negara daripada penjajahan. Menurut

beliau, sambutan tersebut menjadi wadah untuk mengingati sejarah perjuangan, di samping menyemai rasa bangga, setia dan cinta kepada negara.

Setiap tahun, beliau terlibat secara aktif dalam sambutan berkenaan dengan membawa Ahli Pandu Puteri Ranjer untuk turut sama mengambil bahagian dalam acara yang dianjurkan. Katanya, penglibatan tersebut memberi peluang kepada para pelajar merasai sendiri suasana penuh semangat, selain memahami erti sebenar kemerdekaan dan pengorbanan generasi terdahulu.

Pengalaman menyertai acara menaikkan bendera serta perbarisan pada tahun-tahun lalu, tambah beliau, berjaya membentuk jati diri pelajar agar lebih menghargai keamanan dan keharmonian yang dikecapi di NBD. Malah, ia turut menjadi platform mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar serta menggalakkan penyertaan aktif dalam kegiatan kokurikulum.

Mengulas momen paling bermakna sepanjang menyertai Sambutan HK, Dayang Hajah Linda mengakui berasa terharu melihat kesungguhan para ahli sepanjang latihan sehingga ke hari kemuncak. "Detik mereka berbaris dengan penuh disiplin, memakai pakaian seragam lengkap dan mengibarkan bendera negara benar-benar membanggakan saya sebagai seorang pendidik," katanya.

Beliau turut menekankan

**AWANG Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf, 22 tahun, mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, merupakan salah seorang pembaca Ikrar.**



bahawa kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan para pelajar bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama mereka, malah memupuk nilai perpaduan dan semangat kekitaan.

Sebagai pendidik, beliau berpendapat sumbangan terbesar dalam memajukan negara adalah melalui usaha melahirkan generasi berilmu, berakhlak mulia, beriltizam serta berdaya saing. Selain menyampaikan ilmu pengetahuan, beliau juga menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni dan pembangunan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi dan kerjasama.

"Sebagai guru, tanggungjawab saya bukan sahaja di dalam bilik kuliah, tetapi juga membentuk generasi masa depan yang mampu membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada negara," ujarnya.

Sempena HK, Dayang Hajah Linda merakamkan rasa syukur atas nikmat keamanan dan kemakmuran yang dikecapi. Keberkatan yang dirasakan di bumi NBD ini merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Menurutnya, tema tahun ini, 'Bersatu Mencapai Cita Negara', adalah satu seruan untuk terus memperkukuh perpaduan tanpa mengira latar belakang. Beliau turut mengajak seluruh rakyat untuk bersama-sama menanamkan semangat cintakan negara serta berusaha mencapai cita-cita negara demi kesejahteraan bersama.



**DAYANG Hajah Linda binti Haji Abdullah (tiga dari kiri), dari Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan yang merupakan Guru Pengawas di Pusat Tingkatan Enam Meragang dan juga Penolong Bendahari Kehormat I, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (kiri). Manakala gambar kanan, Dayang Zuninah binti Haji Mohammad (barisan hadapan, tiga dari kanan) dari Kampung Birau, Tutong, yang kini memegang jawatan sebagai Penolong Komandan, Persatuan Bulan Sabit Merah NBD mewakili Daerah Tutong semasa ditemu bual.**

*Keluaran Khas*

KELUARAN ISNIN, 23 FEBRUARI 2026, 5 RAMADAN 1447



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*



42 ٤٢

برساتو منچاقاي چيتا نگارا

Bersatu Mencapai Cita Negara

23 Februari 2026



SAMBUTAN ULANG TAHUN  
**HARI KEBANGSAAN**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE -

**42**  
TAHUN



برساتو مجافاي جيتا نكارا  
Bersatu Mencapai Cita Negara  
23 Februari 2026



## 42 TAHUN : JAGA KEDAULATAN NEGARA 'MAHKOTA BANGSA'

**T**ANGGAL 1 Januari 1984 merupakan tarikh yang tidak dapat dilupakan oleh segenap lapisan rakyat juga penduduk di negara ini bila kita mencapai semula taraf sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat.

Dari tarikh tersebut sudah 42 tahun kemerdekaan kita dan ini bererti kita telah berjaya menempatkan negara bumi bertuah kita Negara Brunei Darussalam (NBD) 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara dunia antarabangsa.

Kemuncak kepada Brunei merdeka adalah apabila perjanjian yang ditandatangani pada 7 Januari 1979 iaitu menyaksikan Brunei sudah pun diberikan kuasa mutlak untuk menguruskan segala hal mengenai negaranya daripada isu pertahanan, keselamatan, antarabangsa dan dalaman. Di saat itu juga, Brunei telah menyiapkan negaranya untuk mendapat kemerdekaan yang dicanangkan pemasyhurannya pada tanggal 1 Januari 1984. Manakala untuk tarikh rasmi sambutan kemerdekaan Negara Brunei adalah pada setiap 23 Februari bermula dari tahun 1984 sehingga sekarang.

Mengimbu kembali detik-detik malam bersejarah bagi NBD serta rakyat dan penduduk di negara bumi bertuah ini apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memasyhurkan Kemerdekaan NBD tepat dinihari 1 Januari 1984 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Peristiwa dinihari itu mengingatkan kita laungan Allahuakbar yang dikepalai oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien diikuti dengan laungan rakyat dan penduduk dengan menyuarakan Allahuakbar sebanyak tiga kali.

Menjelang 1 Januari 1984 dengan disaksikan oleh ribuan rakyat dan penduduk yang berada di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan para penonton televisyen di seluruh negara dan beberapa buah negara luar melalui satelit, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam petikan titah baginda "... dan dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasih, Memasyhur dan Mengisytiharkan Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka".

Memetik titah baginda semasa malam yang penuh bersejarah bagi negara dan juga rakyat serta penduduk di negara ini antaranya bertitah :

"Berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat," titah baginda.

Sementara dalam pemasyhuran itu, baginda juga bertitah memelihara hubungan persahabatan dalam kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas daripada campur tangan dari luar negeri.

Pemasyhuran dan pengisytiharan baginda itu menekankan NBD adalah tidak pernah menjadi tanah jajahan, "tetapi mempunyai perhubungan-perhubungan perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah dipersetujui bahawa perhubungan-perhubungan luar negeri menjadi tanggungjawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen...".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menekankan bahawasanya satu perlembagaan yang

digelar Perlembagaan Negeri Brunei, ayahanda baginda dan menurutnyalah kerajaan negara ini disusun dan ia adalah menjadi undang-undang yang tertinggi bagi Kerajaan Negara Brunei.

Pemasyhuran tersebut juga merujuk kepada perjanjian persahabatan dan kerjasama, 1979 yang telah dibuat di antara Brunei dengan United Kingdom yang memersetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggungjawab yang mungkin dipegang Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen terhadap NBD di bawah semua triti, perjanjian dan susunan yang terdahulu di antara NBD dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggungjawab yang sepenuhnya sebagai sebuah negara berdaulat lagi merdeka hendaklah tamat pada 31 Disember 1983.

"Dan dengan penamatan itu hak dan kuasa kedaulatan baginda termasuk tanggungjawab terhadap urusan-urusan luar negeri akan kembali kepada baginda sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984".

Pastinya masih terpacat segar diingatan kita peristiwa malam 31 Disember 1983 di mana rakyat dan penduduk negara ini yang sejak awal lagi telah berduyun-duyun membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi menyaksikan dan memeriahkan bersama upacara bersejarah yang datang hanya sekali seumur hidup dan apabila tepat pukul 12.00 tengah malam dan sekali gus berubahnya tahun 1983 kepada 1984 pada 1 Januari, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melafazkan titah pemasyhuran kemerdekaan. Selesai pemasyhuran itu, paduka ayahanda baginda mengepalai seruan Allahuakbar sebanyak tiga kali laungan takbir Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar (Allah Maha Besar), bergema menggegarkan dingin malam dan disahut oleh 60,000 rakyat dan penduduk dari semua daerah mengambil berkat dan sukut baik atas pemasyhuran tersebut.

Dengan izin Allah dan kebesaran-Nya jua seluruh rakyat dan penduduk melihat hari kebesaran dan kemegahan yang melambangkan NBD beralih tempat dari negara naungan kepada negara yang merdeka dan berdaulat. Ini adalah juga kerana kedaulatan dan keberkatan NBD dan segala isi di dalamnya.

Sementara itu, setiap tahun rakyat dan penduduk NBD akan menyambut Hari Kebangsaan yang berlangsung buat pertama kalinya pada 23 Februari 1984.

Pada tahun ini NBD akan menyambut Hari

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

Kebangsannya yang Ke-42 Tahun sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagaimana yang telah dimasyhurkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 bahawa :

"... mulai 1hb Januari 1984 Tahun Masihi bersamaan dengan 27hb Rabiulawal Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1404, tahun yang Ke-17 beta di atas takhta kerajaan, Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan, dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan dan kebahagiaan bagi rakyat beta...".

Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk NBD berkewajipan menandai titah ini dengan mensyukuri nikmat dan rahmat yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Brunei Darussalam ini.

Oleh itu, kita harus memelihara dan menjaga dengan baik kedaulatan negara ini yang merupakan 'Mahkota Bangsa'.

Justeru, sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-42 Tahun ini sebagai rakyat dan penduduk negara ini khususnya generasi muda hendaklah memperlihatkan serta menandai semangat kemerdekaan tulus di hati masing-masing sebagai tanda ketaatan pada raja, agama dan negara yang berpaksikan MIB. Penglibatan aktif setiap warga NBD itu adalah bukti kewujudan semangat jati diri dan patriotik yang kental terhadap negara, bangsa dan agama.

Lagipun dalam tempoh sepanjang 42 tahun merdeka NBD telah menempuh berbagai kemajuan dan pembangunan di bidang pendidikan, kesihatan, perhubungan, pertanian, pertahanan, perundangan, keselamatan sosial dan sebagainya yang membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat di negara ini.

Semoga cebisan catatan sejarah NBD ini menjadi inspirasi kepada kita dalam mempertahankan dan membangunkan NBD mengikut calak orang-orang Brunei yang bersandarkan falsafah MIB.

42  
TAHUN



# MELESTARIKAN PERPADUAN, MEREALISASIKAN WAWASAN BRUNEI 2035

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Urus Setia Sambutan  
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

## Tema dan Huraianya

PADA tahun ini, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42 mengangkat tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara' yang membawa makna mendalam tentang peri pentingnya perpaduan dalam menghadapi cabaran semasa, selaras dengan perjalanan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Lebih istimewa, sambutan pada tahun 2026 ini berlangsung dalam bulan suci Ramadan, iaitu bulan yang mengajak umat Islam kepada muhasabah diri, kesederhanaan dan kekuatan rohani. Sehubungan itu, tema yang diketengahkan menyeru seluruh rakyat untuk menilai semula peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam mempertahankan keamanan, kemakmuran dan kelangsungan negara, bukan sahaja dari aspek fizikal dan ekonomi, bahkan daripada aspek jati diri dan nilai kebangsaan.

NBD kini berdepan dengan pelbagai cabaran global yang menuntut ketahanan kolektif, termasuk perubahan iklim, ancaman siber, transformasi digital dan ketidaktentuan ekonomi serantau. Kecerdasan Buatan (AI) dan automasi pula turut merubah landskap pekerjaan dan hubungan sosial, sekali gus mencabar keseimbangan antara

tradisi dengan kemajuan. Dalam konteks ini, perpaduan nasional bukan lagi pilihan, sebaliknya merupakan satu keperluan asas. Oleh itu, rakyat dari semua lapisan masyarakat perlu bersatu dalam memperkukuh sistem sosial, memperluas literasi digital, serta membentuk budaya daya tahan yang berteraskan nilai.

Dalam menghadapi ujian besar ini, peranan rakyat dan penduduk tidak boleh dipandang ringan. Kesatuan dalam kepelbagaian antara generasi, masyarakat dan sektor perlu diterjemahkan melalui tindakan kolektif yang bersifat inklusif. Rakyat diseru untuk bangkit mempertahankan identiti dan kedaulatan negara dengan semangat kerjasama dan tanggungjawab bersama, selaras dengan pendekatan senegara. Daripada penglibatan belia dalam bidang inovasi hinggalah kepada sokongan masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar dan keselamatan siber, setiap individu merupakan benteng pertahanan negara yang sebenar.

Dalam hal ini, falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) terus menjadi panduan utama dalam mendepani arus modenisasi. MIB bukan sekadar tonggak ideologi negara, malah merupakan sistem nilai yang membentuk akhlak dan

arah tuju kebangsaan. Dalam era digital, penghayatan MIB berperanan memperkukuh jati diri dan adab dalam penggunaan teknologi. Justeru, cita negara sebagaimana digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 hanya akan tercapai dengan kesepaduan antara nilai budaya dengan inovasi. Setiap kemajuan hendaklah ditimbang dengan neraca kebijaksanaan, berteraskan agama, adat dan perlembagaan.

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 bukan sekadar peringatan sejarah, tetapi iltizam bersama untuk terus maju dalam menghadapi ujian zaman. Dengan perpaduan yang kukuh, penghayatan nilai MIB, serta komitmen terhadap pembangunan lestari dan masyarakat berpengetahuan, NBD akan mampu melakar masa depan yang lebih cerah.

## Logo

Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42 direka berteraskan tema 'Bersatu Mencapai Cita Negara', yang mencerminkan semangat perpaduan, keazaman dan

kesepakatan rakyat serta kepimpinan negara dalam menghadapi cabaran semasa ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Struktur utama logo menampilkan bentuk bintang berwarna hijau yang melambangkan falsafah MIB sebagai tunjang kekuatan negara, meliputi aspek agama, budaya dan institusi beraja yang menjadi asas kestabilan, keselamatan dan kesejahteraan berpanjangan.

Warna biru pada elemen latar pula melambangkan Bumi NBD yang bersih, aman dan makmur, selari dengan aspirasi negara sebagai sebuah negara kecil yang berdaulat, beridentiti dan dihormati di peringkat antarabangsa. Penekanan terhadap nilai akhlak, etika kerja, disiplin dan kesyukuran dalam keseluruhan rekaan logo ini

menzahirkan harapan agar rakyat NBD, khususnya golongan belia, terus bersatu padu, berdaya saing dan beriltizam dalam menyumbang kepada kemajuan serta kemakmuran negara di bawah naungan raja dan dengan seruan Allahuakbar.

Logo rasmi ini telah dicipta oleh Pengawas Kakitangan Pentas, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Mohd. Aizuddin bin Mohd. Din. Kreativiti dan sentuhan idea beliau dalam menghasilkan rekaan yang sarat dengan makna simbolik ini mencerminkan semangat patriotisme serta komitmen dalam menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-42.

**MELAMBANGKAN keharmonian, keseimbangan dan kesinambungan pembangunan negara, keberkatan Ramadan, serta ketenangan rohani yang memandu rakyat Brunei Darussalam ke arah kesejahteraan berpanjangan.**



**MELAMBANGKAN falsafah MIB sebagai teras pembangunan negara, menyatukan agama, budaya dan institusi beraja dalam membentuk masyarakat berdisiplin, berakhlak dan berdaya tahan.**

**MELAMBANGKAN kedaulatan NBD, kesetiaan rakyat kepada raja dan negara, kestabilan pemerintahan, serta payung perlindungan institusi beraja sebagai asas keamanan dan kemakmuran negara.**



**42  
TAHUN**



# MEMPERKASA ANAK BANGSA MENANAI KEMAJUAN NEGARA

42

برساتو منچاقای چیتا نڬال  
Bersatu Mencapai Cita Negara

23 Februari 2026

"WAWASAN Brunei 2035 merupakan aspirasi jangka panjang negara yang digagaskan oleh kepimpinan berpandangan jauh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Generasi Pewaris Negara (GPN) masa kini memainkan peranan penting sebagai sumber inspirasi dan penyumbang utama dalam merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035. Dengan keupayaan dan kekuatan yang mereka miliki, khususnya dalam memanfaatkan pengetahuan, kemahiran serta penguasaan teknologi terkini, potensi ini dapat disalurkan untuk memperkukuh dan meningkatkan keberkesanan pelbagai sektor strategik negara. Antara sektor berkenaan termasuk ekonomi baharu, pendidikan, pembangunan modal insan, kelestarian alam serta keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

"Ekonomi Baharu GPN berperanan sebagai pemacu ekonomi khususnya ekonomi baharu melalui penglibatan aktif dalam keusahawanan digital dan inovasi berasaskan teknologi termasuk penyertaan dalam ekonomi gig.

"Sistem Pendidikan dalam sektor pendidikan, GPN dapat menyumbang melalui penguasaan teknologi digital bagi menyokong inovasi pendidikan menerusi penggunaan platform digital dan AI, serta memperkukuh penyelidikan dan pembangunan melalui penerokaan pedagogi baharu.

"Secara kesimpulan, GPN berperanan penting sebagai pemangkin pembangunan negara melalui sumbangan mereka dalam pelbagai bidang yang bukan sahaja memperkukuh daya saing dan pembangunan mampan, malah membangkitkan semangat rakyat khususnya golongan belia untuk memajukan negara. Keseluruhan sumbangan ini selaras dengan tiga matlamat utama yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 dengan berpaksikan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tunjang dan nilai dalam pembangunan negara".



**Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman,  
Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)  
Kementerian Pendidikan**

## Kapten Awang Azman bin Mohd. Hanif

"SEBAGAI seorang juruterbang yang bekerja di Syarikat Royal Brunei Airline, saya berasa bangga kerana dapat menyumbang kepada negara melalui bidang penerbangan yang menjadi salah satu tulang belakang perhubungan dan pembangunan. Tugas saya bukan sekadar menerbangkan pesawat, tetapi memastikan keselamatan penumpang, membawa penduduk negara ini dan pelawat ke destinasi dengan selamat, serta membantu menghubungkan negara dengan dunia luar.

"Dalam menyokong sektor ekonomi dan pelancongan negara, saya juga berpeluang menyumbang khidmat bakti kerana penerbangan memainkan peranan besar dalam membawa masuk pelancong, peluang perniagaan dan meningkatkan hubungan antarabangsa. Selain itu, dalam situasi kecemasan seperti penghantaran bantuan atau misi khas, juruterbang turut berperanan penting untuk membantu rakyat dan negara.

"Peranan saya sebagai juruterbang dapat membangkitkan semangat masyarakat terutama sekali golongan belia kerana ini menunjukkan bahawa anak tempatan mampu mencapai kejayaan dalam bidang profesional yang mencabar dan berprestij di peringkat global. Saya berharap kerjaya ini dapat menjadi inspirasi kepada generasi muda untuk berani bermimpi besar, bekerja keras dan menyumbang kepada negara melalui bidang masing-masing.


"Selain itu, saya percaya bahawa disiplin, tanggungjawab dan semangat berkhidmat yang diperlukan dalam profesion ini dapat menjadi contoh kepada masyarakat bahawa kemajuan negara memerlukan kerjasama, ilmu pengetahuan dan dedikasi daripada semua rakyat. Bagi belia negara, pembangunan serta kemajuan negara adalah tanggungjawab awda untuk melaksanakannya. Jangan sia-siakan peluang yang ada kerana inilah masanya awda dapat berbakti untuk negara".



## Dr. Dayang Nurkhairiah binti Awang Besar, Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan, Kementerian Kesihatan

"ALHAMDULILLAH, menjelang enam tahun berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Negara Brunei Darussalam (NBD), banyak pengalaman dan pelajaran berharga yang telah saya peroleh dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Sepanjang tempoh ini, saya berpeluang menyaksikan sendiri ketabahan pesakit, kecekalan keluarga, serta dedikasi rakan-rakan sekerja dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Pengalaman ini telah membentuk saya menjadi seorang pengamal perubatan yang lebih empati, bertanggungjawab dan sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan. Saya amat bersyukur atas kepercayaan yang diberikan dan peluang untuk terus menyumbang kepada sistem kesihatan negara.

"Harapan saya agar para belia dan seluruh rakyat NBD amnya akan sama-sama berusaha menjaga kesihatan masing-masing, kerana kesihatan juga merupakan tanggungjawab individu. Dengan mengamalkan gaya hidup sihat, pemeriksaan berkala dan kesedaran terhadap pencegahan penyakit, insyaaAllah kita dapat membina masyarakat yang lebih sihat, produktif dan berdaya tahan. Semoga usaha bersama ini akan memperkukuhkan kesejahteraan keluarga, memperkasakan pembangunan dan menyumbang kepada kemakmuran negara, selaras dengan tuntutan agama kita, *Amin Ya Rabbal Alamin*".



## Dayang Nurul Huda binti Awang Haji Muhiin, Ketua Pentadbiran, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

"SAYA melihat sumbangan kepada negara sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan dan komitmen, khususnya dalam memperkasa golongan insan istimewa. Melalui peranan yang saya galas, saya berusaha memastikan mereka diberi peluang yang adil dalam pendidikan, pembangunan kemahiran serta penyertaan aktif dalam masyarakat. Saya percaya setiap individu mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara apabila diberi sokongan dan kepercayaan yang sewajarnya.

"Peranan saya juga adalah untuk membangkitkan semangat dan keyakinan insan istimewa agar mereka tidak berasa terpinggir, sebaliknya melihat diri mereka sebagai aset penting kepada negara. Dengan bimbingan, sokongan dan persekitaran yang inklusif, saya yakin golongan ini mampu berdikari, menyumbang secara produktif dan bersama-sama memajukan Negara Brunei Darussalam.

"Bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, harapan saya adalah untuk melihat generasi masa depan membesar sebagai generasi yang berilmu, berakhlak mulia, berdaya saing serta mempunyai nilai empati dan semangat inklusif yang tinggi. Saya berharap pembangunan negara bukan sahaja menumpukan kepada kemajuan ekonomi, tetapi turut menitikberatkan kesejahteraan sosial agar tiada sesiapa yang tertinggal dalam arus pembangunan".



# 42 TAHUN

# MENONGKAH ARUS MENITI KEMAJUAN NEGARA DEMI MEREALISASIKAN HASRAT NEGARA

Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

**T**AHUN ini genaplah sudah 42 tahun bumi Negara Brunei Darussalam (NBD) mencapai kemerdekaan yang pastinya satu anugerah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada rakyat dan penduduk NBD yang wajib disyukuri sebagai tanda kecintaan kita pada agama, bangsa dan negara.

Detik-detik kemerdekaan laungan Allahuakbar sebanyak tiga kali yang telah dipimpin oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 1 Januari 1984 selepas detik jam 12 tengah malam itu sentiasa menjadi ristaan sepanjang zaman. Tanpanya kita tidak dikenali sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Seiring berjalannya waktu dengan meniti cabaran arus globalisasi, satu hakikat yang perlu ditanam dalam jati diri setiap insan yang bergelar anak watan bahawa tanggungjawab ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 bukanlah hanya terletak kepada pihak kerajaan semata-mata, akan tetapi ia memerlukan penglibatan semua pihak iaitu swasta, pemimpin akar umbi, persatuan-persatuan dan semua individu di negara ini.

Dengan limpah kurnia dan keizinan Ilahi, pelbagai kejayaan, kemajuan dan perkembangan yang ketara telah NBD capai dari tahun ke tahun, meliputi pembangunan negara secara menyeluruh, penekanan kepada keamanan dan kesejahteraan rakyat di bawah Wawasan Brunei 2035, serta peningkatan dalam sektor ekonomi, pendidikan dan infrastruktur. Hal ini sekali gus menunjukkan peralihan dan kematangan negara sejak menongkah arus kemerdekaan sepenuhnya.

## Mendepani liku-liku kemajuan negara

Menyentuh mengenai perkembangan dari segi aspek keteguhan dalam pegangan beragama di NBD, jika diperhatikan menerusi perkembangannya secara fizikal begitu jelas sekali di mana saban tahun kita menyaksikan banyak masjid dan sekolah-sekolah agama telah dibina berbanding zaman dahulu.

"Apa yang penting di dalam perkembangan itu ialah sistem pendidikan agama di mana kalau dahulu pada tahun awal 80-an belum banyak sekolah-sekolah agama dibina tetapi dengan adanya usaha dan perkembangan penduduk dan sebagainya di negara ini dengan sendirinya kita dapat melihat antaranya penubuhan sistem perguruan agama yang mana jika dahulu dikenali dengan nama Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) dan kini berkembang sudah menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Begitu juga, kini NBD sudah memiliki empat buah universiti termasuklah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)," ujar Yang Dipertua Persatuan Sejarah Brunei, Dr. Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus.

Oleh yang demikian, tambah beliau, dengan adanya kemajuan pendidikan negara yang merangkumi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama selama ini telah banyak melahirkan golongan rakyat dan penduduk yang berpendidikan dan berkemahiran dari semasa ke semasa.

"Dengan adanya golongan tempatan yang berpendidikan dan berkemahiran secara tidak langsung mereka dapat menyumbang menjadi sumber tenaga kepada pelbagai bidang kerjaya yang suatu ketika dahulu hanya dilihat dijalankan oleh golongan tenaga kerja dari luar negara. Begitu juga kita dapat menyaksikan semangat keusahawanan anak-anak tempatan yang semakin tinggi seperti salah satunya menerusi perusahaan ternakan ikan laut dalam sangkar yang kini banyak diusahakan oleh anak-anak tempatan kita," kongsinya.

Beliau seterusnya menambah dengan menyentuh mengenai pegangan beragama di NBD sememangnya tetap kukuh dan teguh sehingga ke detik ini. Hal ini jelas terbukti antaranya seluruh rakyat dan penduduk Islam kita sentiasa bersatu hati dengan terus meyakini akan kepentingan bersembahyang

berjemaah dan amalan berdoa untuk memohon keselamatan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara termasuklah doa-doa tulus ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dilanjutkan usia, sihat walafiat, kekal karar memerintah NBD di bawah perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Berbicara dari segi aspek kesihatan, Dr. Haji Mohd. Rozan menjelaskan apabila mengimbas kembali sektor kesihatan awam jika dahulu NBD hanya memiliki sebuah hospital dan klinik-klinik namun kini perkembangan pesat telah dinikmati bersama dengan adanya penubuhan pusat-pusat kesihatan bukan hanya di setiap daerah bahkan kini di kebanyakan kawasan mukim-mukim juga tersedia pusat-pusat kesihatan pada masa ini.

"Bukan hanya perkembangan dalam sektor kesihatan awam namun kini kita juga dapat menyaksikan kemajuan perubatan di peringkat swasta di mana banyak klinik yang dimiliki sendiri oleh anak-anak tempatan yang terdiri daripada golongan pakar perubatan.

"Pencapaian kemajuan dalam bidang perubatan meliputi kepakaran dan teknologi juga dapat dilihat terutamanya pusat-pusat perubatan di peringkat semi-kerajaan seperti Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan sebagainya juga memainkan peranan besar di mana kini pusat-pusat perubatan berkenaan telah menawarkan pelbagai fasiliti dan pakej perubatan khusus untuk penyakit-penyakit kronik. Ini memberi keringanan dan kemudahan kepada para pesakit kronik di negara ini tanpa perlu lagi menjalani rawatan ke luar negara," ujarnya.

Dr. Haji Mohd. Rozan turut mengungkapkan bahawa segala kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama ini pastinya salah satu nikmat yang tidak terilai daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib kita syukuri bersama lebih-lebih lagi dengan adanya pelbagai perkembangan negara yang dikecapi sehingga sekarang.

## Semangat kemasyarakatan merentas zaman

NBD sememangnya memiliki masyarakat yang bersatu padu mengamalkan dan mengukuhkan nilai-nilai luhur, adat resam dan kebudayaan Melayu sebagai nilai luhur budaya yang dominan dalam masyarakat berbudaya, berbangsa dan beragama. Nilai-nilai luhur tersebut antaranya adalah sikap berawar galat, hormat-menghormati, sayang-menyayangi, sikap bertolak ansur dan saling bergotong-royong.

Budaya bergotong-royong atau lebih dikenali dalam masyarakat kita sebagai bermucang-mucang merupakan satu amalan yang mulia, lebih-lebih lagi dalam mengukuhkan aktiviti berkebajikan. Dalam aktiviti bermucang-mucang ini segala kerja yang berat akan menjadi lebih ringan ibarat kata pepatah '*yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*'.

Dalam mengulas mengenai perkara berkenaan, Dr. Haji Mohd. Rozan menghuraikan pandangan bahawa kita memahami generasi belia pada masa ini berbeza dengan generasi belia pada zaman tahun 70-an dan 80-an di mana dahulunya banyak terdapatnya persatuan-persatuan belia bagi setiap kampung namun apa yang dapat diperhatikan kini penglibatan belia

lebih berkembang kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti aktiviti sukarelawan yang berkaitan hal ehwal kehijauan, bantuan golongan memerlukan, memperkasa gaya hidup sihat, kerohanian dan sebagainya.

Dalam pada itu, Dr. Haji Mohd. Rozan turut menaruh harapan tulus agar semua lapisan masyarakat terutamanya golongan muda selaku pelapis negara terus bangkit mewarnai kehidupan masyarakat setempat dengan mengukuhkan pelbagai kegiatan penuh bermanfaat secara holistik tidak kiralah di kawasan kampung mahupun bandar untuk terus menggembleng tenaga demi menggapai kemajuan negara.

"Namun satu perkara yang penting adanya sokongan dan dorongan berterusan dan teguh dari pelbagai pihak yang berkepentingan agar segala usaha golongan muda tanah air kita dapat berjalan dengan lancar dari semasa ke semasa," tekannya.

## Setiap generasi memiliki kekuatan tersendiri

Menyentuh mengenai generasi dahulu dan sekarang, Dr. Haji Mohd. Rozan menyatakan setiap generasi mempunyai kekuatan sendiri. Meskipun idea-idea setiap generasi lama dan baharu itu memiliki perbezaan namun yang paling penting sebenarnya setiap generasi itu perlu berusaha sama-sama memainkan peranan masing-masing dengan sentiasa menerapkan perasaan timbal balik untuk kesejahteraan semua.

Beliau turut menekankan betapa mustahaknya orang-orang lama kita untuk sentiasa memberikan nasihat yang berguna berdasarkan segala pengalaman yang telah dilalui kepada generasi muda kita. Sementara anak-anak muda kita perlu sentiasa bergerak aktif dan berusaha membawa idea segar berasaskan nilai nasihat pengalaman yang diperoleh daripada orang-orang lama untuk membentuk inovasi demi memajukan negara dalam pelbagai aspek dari semasa ke semasa. Dengan kata lain, yang lama membimbing dan yang baharu meneruskan legasi.

"Dalam zaman dunia sekarang ini amat berbeza, keadaan dahulu dan sekarang sangat berlainan dan begitu juga masa depan yang bakal kita hadapi juga akan mengalami perubahan. Salah satu ungkapan yang boleh digunakan dalam kita memahami keadaan dahulu, sekarang dan masa depan yang berbeza itu ialah *the past teaches the present, lessons for the future* atau dalam bahasa Melayunya bermaksud 'masa silam memberikan pengajaran pada masa kini, pelajaran untuk masa depan'.

"Dalam ungkapan itu bukanlah bermaksud membezakan generasi yang lama dan baharu tetapi yang perlu ditekankan bagaimana cara kita sama-sama menguatkan diri masing-masing mengikut generasi kita dan juga keutamaan apa yang kita lakukan pada hari ini," tekan Dr. Haji Mohd. Rozan.

## Memperkuh kerjasama berteraskan nilai keislaman

Sebelum mengakhiri temu



bual, Dr. Haji Mohd. Rozan antaranya menyatakan setiap kita perlu bekerjasama kerana dua perkara utama yang ditekankan dalam urus tadbir Islam iaitu apa sahaja yang kita dilakukan mestilah untuk mendatangkan kebaikan kepada masyarakat dan ummah dan juga mengelakkan kemudaratan kepada masyarakat dan ummah. Di samping kita sentiasa berpegang kepada lima prinsip utama Maqasid Syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

"Segala yang kita lakukan perlulah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya kerana kita hidup bukanlah hidup seorang diri tetapi kita hidup bermasyarakat. Oleh itu, apa sahaja yang kita lakukan itu seharusnya menjana dan menjurus kepada masyarakat kita.

"Apabila semua orang bekerjasama dalam menjaga masyarakat dan negara kita dengan sentiasa menjauhi pemikiran negatif dan menyemai pemikiran positif setiap masa serta diiringi dengan segala niat yang baik dan lurus, mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala apa jua usaha kita demi memajukan NBD," ujar beliau sebagai penutup kata.

Oleh yang demikian, perpaduan adalah asas pembangunan negara, sebaliknya perpecahan, perbalahan dan permusuhan akan membawa kehancuran serta kemusnahan. Bayangkan perpaduan itu umpama sebuah bangunan yang mana tapaknya iman, tiangnya syariat. Tanpa kukuh iman dan kesungguhan melaksanakan syariat pastinya apa yang dikecapi itu hanya tinggal impian semata-mata.

Limpahan rahmat Ilahi di bumi NBD terus 'mewangi' dengan adanya kolaborasi antara pelbagai pihak dalam masyarakat meliputi sektor kerajaan, sektor swasta dan NGO serta komuniti setempat dalam memainkan peranan masing-masing berjuang membangun negara yang maju, harmoni dan berdaya saing. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026!



42  
TAHUN



برساتو متجاپای جیتا نگارا  
 Bersatu Mencapai Cita Negara  
 23 Februari 2026

SEKTOR perindustrian terus diperkasa untuk meningkatkan tahap sara hidup, untuk memacu ekonomi negara, mengurangkan kebergantungan kepada barangan import serta mengadaptasi teknologi moden bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti dan kemampanan sekali gus menyokong pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.



## ANTARA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NBD

Oleh : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz  
 Foto : Jabatan Penerangan

**42** TAHUN kemerdekaan, bumi Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat bertuah kerana dikurniakan nikmat kemakmuran, keamanan dan kestabilan yang merancakkan proses pembangunan negara. Sejalan dengan perkembangan dan keperluan semasa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui pelbagai kementerian sentiasa dan akan terus berusaha untuk memastikan tahap infrastruktur dan pembangunan di negara ini berupaya memenuhi kehendak rakyat, di samping sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan mendukung Wawasan Brunei 2035.

Usaha bersama perlu untuk membawa ke arah pembangunan yang pesat demi kesejahteraan semua lapisan masyarakat di negara ini. Kejayaan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, menuntut perancangan pembangunan yang teliti, penyelarasan dan penyejajaran yang kukuh serta komitmen tinggi daripada semua pihak. Ia juga bergantung kepada pelaksanaan yang cekap sebagai asas kepada pembangunan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan. Kita memerlukan institusi yang kukuh, urus tadbir yang berkesan dan penggunaan data yang menyeluruh sebagai asas perancangan dan keputusan strategik dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

NEGARA Brunei Darussalam terus mencipta peluang ekonomi baharu bagi mempelbagaikan ekonomi negara dan mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas.



PENGELUARAN produk tempatan juga merupakan salah satu cara bagi memacu pembangunan ekonomi yang berdaya tahan, dinamik dan berdaya saing serta meningkatkan keselamatan makanan (*food security*), mengurangkan kebergantungan dalam pengimportan makanan serta mengembangkan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana bagi menyumbang pertumbuhan industri makanan di negara ini.

JAMBATAN penghubung merupakan salah satu usaha strategik bagi meningkatkan kemudahan rakyat serta menyokong pembangunan sosioekonomi di kawasan sekitar.



TUJUAN pembinaan masjid di setiap kampung atau mukim adalah untuk memberikan keselesaan serta memudahkan penduduk setempat menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat. Di samping itu, pembinaan masjid juga bertujuan bagi melaksanakan pelbagai program keagamaan dan kerohanian bagi meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam.

42  
 TAHUN

**PELABUHAN** Muara merupakan pelabuhan utama negara yang berfungsi sebagai pintu masuk dan keluar barangan khususnya dalam aktiviti pengeksporan dan pengimportan juga menghubungkan Negara Brunei Darussalam dengan negara luar. Dengan pembangunan pelabuhan yang moden dan cekap ia menyokong pertumbuhan serta kemajuan ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.



Di antara bangunan yang menggunakan tenaga solar sebagai inisiatif kepada pembangunan tenaga lestari. - Foto : Ihsan Jerudong International School.

**DALAM** aspek pembangunan sukan, Negara Brunei Darussalam telah melahirkan atlet-atlet negara yang berdaya saing dan berprestasi melalui pelaksanaan pelbagai program juga penglibatan sukan di peringkat akar umbi, di samping itu juga memperkukuh kesejahteraan fizikal dan mental rakyat secara menyeluruh.

**PENDIDIKAN** berkualiti menjadi teras kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan serta berkemahiran tinggi dan sumber tenaga manusia yang berdaya saing dan berakhlak mulia. - Foto : Ihsan Universiti brunei Darussalam.



**KEDATANGAN** pelancong dari luar negara juga antara faktor yang membantu memajukan lagi ekonomi dalam pelancongan sektor pelancongan di negara ini.



**DENGAN** kemajuan teknologi masa kini, kemudahan pemeriksaan perubatan kian berkembang sekali gus membolehkan kaedah yang mudah digunakan untuk memperkasakan individu dalam mengurus kesihatan serta kesejahteraan mereka. Inisiatif ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

**PENGENALAN** digital ID merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kecekapan serta memudahkan urusan rakyat seiring dengan kemajuan teknologi masa kini. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.



42  
TAHUN



سمبوتن اولع تاهون هاري كبغساءن  
نكارا بروني دارالسلام ك-٤٢، تاهون ٢٠٢٦

42  
TAHUN

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026

5 Ramadan 1447 ❁ 23 Februari 2026

*Warga Jabatan Penerangan Mengucapkan Selamat Menyambut  
Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42*



**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
33 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**  
Supply, Delivery  
And Installation Of  
New Signboard For  
Pasarneka Seria,  
Jalan Lorong Tiga Selatan,  
Seria

Dibukakan kepada  
pemborong-pemborong  
yang berdaftar  
dengan Kementerian  
Pembangunan Negara  
Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00 (Non-Refundable)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Mac 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga:**  
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-03  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan  
Pengawalan Keselamatan  
Bangunan-Bangunan  
dan Premis-Premis  
Jabatan Penerbangan Awam

**Bilangan Sebut Harga:**  
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-04  
Satu [01] Tahun Perkhidmatan  
Pengawalan Keselamatan Aset /  
Bangunan Jabatan Penerbangan  
Awam Di Kawasan Tapak  
Terpencil  
(Remote Site)

**Bilangan Sebut Harga:**  
AVSEC / 2026 – 2027 / SH-05  
Satu [01] Tahun  
Perkhidmatan Pengawalan  
Keselamatan Operasi-Operasi  
Lapangan Terbang  
Antarabangsa Brunei

**Tarikh Tutup:**  
Rabu, 4 Mac 2026  
(Sebelum jam 2.00 petang)



**Tajuk Tawaran:**  
Supply and Delivery of New Air  
Filter for PAC DB-AIRE,  
Department of Civil Aviation

**Bilangan Sebut Harga:**  
ATELS / 2026 / SH-01

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
18 Februari 2026,  
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
3 Mac 2026,  
Selasa

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
4 Mac 2026,  
Rabu  
(Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari)



**Tawaran No. 01**  
Provision of 24 Hours Backup  
Services & Maintenance to Airside  
Electrical Facilities at Brunei  
International Airport  
**AME / 2026 – 2027 / SH-03**  
(kelas II atau ke atas)

**Tawaran No. 02**  
Replacement of Double Panel  
Tempered Glass Wall at Arrival  
Area and Departure Area,  
Terminal Building  
**AME / 2026 – 2027 / SH-04**  
(kelas II atau ke atas)

**Tawaran No. 03**  
Kontrak Bermusim Bagi  
Pengutipan Sampah di Berek  
DCA Jalan Berakas dan Berek  
Bomba DCA Jalan Kustin Bagi  
Tempoh (03) Tahun  
**AME / 2026 – 2029 / SH-05**  
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
18 Februari 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
3 Mac 2026, Selasa  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 4 Mac 2026



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 /  
ITAU / TA / PEN / 002  
[JPPK/LTK/18/2025]  
Proposed Design, Supply And  
Installation Of New Cargo Lift  
And Lift Shaft For CQB (Close  
Quarter Battle) Complex,  
Special Force Regiment Camp,  
Penanjong Garrison

**Kelas:**  
IV dan Ke Atas

**Kategori:**  
E01 atau E02 atau KA01  
atau KPME02 atau B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Empat (04) Bulan

**Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)  
Tarikh terakhir bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah pada  
Selasa,  
24 Februari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
12.00 Tengah Hari,  
3 Mac 2026  
(Selasa)



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
V Atau VI

**Kategori:**  
M01

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah hari

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
3 Mac 2026  
Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DME / BP / 02 / 2026

**Nama Projek:**  
Kerja-Kerja Penggantian  
Sistem Penghawa Dingin  
Di Bangunan Tarindak D' Seni,  
Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**  
III & IV

**Kategori:**  
B01  
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 3 Mac 2026  
**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 03 / CQS / 2026-T / III

**Nama Projek:**  
Pembinaan Courtyard Kiri Dan  
Kanan Masjid Rancangan  
Perumahan Negara Kampong  
Rimba – Design And Build

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



**JABATAN PERBENDAHARAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran:**  
JPKK / JKSH2526-QTN.14 / ADM

**Tajuk Tawaran:**  
Membekalkan Peralatan Projek  
EPG PR Migration Contingency  
System Bagi Jabatan  
Perbendaharaan, Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi

**Tarikh Tutup / Jam:**  
28 Februari 2026  
Sabtu (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Tawaran:**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tingkat 2,  
Tower Block  
Bangunan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi  
Commonwealth Drive,  
Jalan Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
22 / JMM / S / 12 / 91  
(2025 / 2026)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Sebut Harga  
Bagi Penggantian  
Kain Banting Dan Alat Perhiasan  
Diraja Serta Membaik  
Pulih Struktur Tiang-Tiang  
Yang Ada Di Pemajangan,  
Zon C Galeri Jubli Perak  
Di Muzium Alat Kebesaran Diraja,  
Jabatan Muzium-Muzium Brunei

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
26 Februari 2026



**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**  
PPN / ASSET / BUU /  
CONTRACT / 2026 / 2 / 1  
Term Contract (12) Months  
For Landscaping Work At  
The Law Building And  
The Law And Courts Building,  
Attorney General's Chambers,  
Jalan Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
3 Mac 2026





42

٤٢

برساتو منچاڤاي چيتا نكارا

Bersatu Mencapai Cita Negara

23 Februari 2026

# سمبوتن اولغ تاهون هاري كبڠساءن نكارا بروني دارالسلام ك-٤٢، تاهون ٢٠٢٦

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026

5 Ramadan 1447 ❁ 23 Februari 2026



42

٤٢

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



# IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Pembukaan Tadarus Al-Quran bagi mengimarahkan suasana kedatangan bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

ANTARA yang menyertai Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SUASANA pengibaran bendera-bendera negara bersaiz sederhana sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 yang berlangsung sejurus selepas Upacara Menaikkan Bendera Besar NBD di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

AKTIVITI membersihkan Tanah Perkuburan Islam Kampung Mentiri yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim Mentiri dapat memupuk semangat perpaduan dan silaturahmi kalangan masyarakat di samping menjaga kesucian serta kebersihan tanah perkuburan. - Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi.



SUASANA Kempen Kebersihan Pantai Program Pemuliharaan Penyu LAUT Brunei bertujuan melindungi pantai pendaratan penyu. - Foto : Ihsan Poni Group Sendirian Berhad.

# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# MENGHAYATI KEBERKATAN BULAN RAMADAN



ANTARA yang menyertai Program Marhaban Ya Ramadan bersempena menyambut bulan Ramadan yang mulia ini (atas dan atas kanan).

**TUTONG**, Sabtu, 21 Februari. - Seramai 40 mualaf di Daerah Tutong menyertai Program Marhaban Ya Ramadan bersempena menyambut bulan Ramadan yang mulia ini.

Program Marhaban Ya Ramadan membawa maksud 'Selamat Datang Bulan Ramadan' dan dianjurkan oleh Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong. Program ini bertujuan untuk menggalakkan dan memberi pendedahan kepada para mualaf agar dapat menghayati kedatangan bulan Ramadan.

Penekanan diberikan kepada kefahaman tentang hikmah dan manfaat ibadah puasa di samping kelebihan memperbanyakkan amalan sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini, selaras dengan kedudukannya sebagai salah satu rukun Islam.

Program Marhaban Ya

Ramadan juga diisi dengan ceramah bertajuk 'Andai ini Ramadanku Yang Terakhir' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Hajah Siti Noraziah binti Haji Asli.

Antara inti pati ceramah menyarankan kepentingan menghidupkan roh Al-Quran dalam bulan Ramadan sebagai bulan penurunan Al-Quran dengan menggalakkan umat Islam memperbanyakkan bacaan kerana setiap huruf yang dibaca dijanjikan pahala berlipat ganda.

Ceramah turut menekankan persediaan rohani dan mental dalam mencari Lailatulqadar, iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan, di samping menghayati akhlak mulia dan sifat ihsan melalui keprihatinan, sedekah serta bantuan kepada yang memerlukan.

Selain itu, para peserta

diingatkan agar menjaga lisan daripada melakukan fitnah, umpatan dan perkara sia-sia, hendaklah memperbanyakkan zikir dan bacaan Al-Quran serta menjadikan ibadah puasa sebagai latihan membentuk sifat sabar yang membawa ganjaran tanpa batas daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Bang Dalam itu ialah Ketua Kampung Lamunin, Daerah Tutong, Awang Saini bin Haji Othman; Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Pengiran Hajah Ida Fariani binti Pengiran Haji Kamaluddin; Ketua Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, Pengiran Jufri bin Pengiran Haji Hidop; Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir serta para pegawai dan kakitangan Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah



## Tadarus Al-Quran terus semarakkan bulan Ramadan



LEBIH 100 ahli daripada 13 buah persatuan bergabung di bawah MWNBD menghadiri Majlis Tadarus berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG**, Sabtu, 21 Februari. - Dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan dan mendekatkan diri dengan Al-Quran, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) meneruskan lagi Majlis Tadarus Al-Quran, bertempat di kediaman Naib Yang Dipertua II MWNBD, Datin Hajah Masni binti Haji Md. Ali, di sini.

Lebih 100 ahli daripada 13 buah persatuan bergabung di bawah MWNBD menghadiri Majlis Tadarus berkenaan yang terdiri daripada Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI); Persatuan Nurul Islam (PNI); Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI); Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB); Persatuan Wanita Kampung Junjung (PEWAJA); Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI); Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD); Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Persatuan PERTIWI; Persatuan Siswazah Wanita (PSW); Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP) dan Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA).

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Naib Yang Dipertua II MWNBD, diikuti dengan bacaan Tadarus Juzuk 2.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan dan Doa Tahliil, disusuli dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengiran Hajah Rakhiah binti Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis Tadarus berkenaan merupakan acara tahunan bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan, di samping untuk mendekatkan diri dengan Al-Quran dan meningkatkan silaturahmi sesama ahli-ahli persatuan.

## Latih anak-anak tunaikan ibadah Ramadan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Puasa merupakan Rukun Islam yang ketiga yang diwajibkan ke atas setiap umat Islam yang baligh, berakal dan berkemampuan.

Ibadah berkenaan dilaksanakan pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Puasa bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari, malah menuntut seseorang itu menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hakikatnya, puasa mendidik umat Islam supaya sentiasa menjaga tutur kata, mengawal emosi serta menjauhkan diri daripada perbuatan sia-sia dan maksiat. Ibadah berkenaan melatih kita menjadi insan yang sabar, berdisiplin dan berakhlak mulia.

Selain itu, puasa juga menyemai rasa keinsafan dan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Apabila menahan lapar dan dahaga, kita dapat

merasai penderitaan mereka yang hidup dalam serba kekurangan, sekali gus memupuk sifat pemurah dan suka bersedekah.

Sementara itu, dalam konteks kekeluargaan pula, mendidik anak-anak erti berpuasa bukan sekadar melatih mereka menahan lapar dan dahaga, malah membimbing mereka agar mengisi bulan Ramadan dengan amal ibadah seperti menunaikan solat, membaca Al-Quran, berzikir dan melakukan pelbagai kebaikan.

Ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam memberi contoh dan tunjuk ajar supaya anak-anak memahami hikmah sebenar di sebalik ibadah puasa.

Melalui didikan yang berterusan, anak-anak akan belajar menghayati ajaran agama dengan lebih mendalam. Mereka bukan sahaja mengetahui cara melaksanakan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan memahami kepentingan melakukannya dengan penuh keikhlasan dan tanggungjawab. Secara tidak langsung, didikan berkenaan dapat membentuk peribadi yang berakhlak mulia serta menanam rasa takwa dalam diri mereka sejak usia muda.



IBU bapa memainkan peranan yang amat penting dalam memberi contoh dan tunjuk ajar supaya anak-anak memahami hikmah sebenar di sebalik ibadah puasa.

Kesimpulannya, puasa bukan sahaja ibadah yang menuntut pengorbanan fizikal, malah menjadi medan pendidikan rohani yang amat berharga.

Oleh itu, setiap umat Islam, khususnya ibu bapa, hendaklah memanfaatkan bulan Ramadan untuk memperkukuh iman dan membentuk generasi yang patuh kepada ajaran agama serta berakhlak terpuji.

# MEMPROMOSI PROFESION PERAKAUNAN, PEMBANGUNAN BAKAT SEKTOR KEWANGAN



**JERAYAWARA** Profesion Perakaunan di Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 21 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Profesion Perakaunan pada Rabu, 11 Februari 2026, bertempat di Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Jerayawara berkenaan disasarkan kepada para pelajar di institusi berkenaan, dengan tujuan untuk memberi pendedahan awal mengenai profesion perakaunan serta mendorong dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk mula merancang laluan akademik mereka menuju kepada kerjaya dalam bidang perakaunan setelah tamat pengajian.

Dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Pengarah di Bahagian Hasil, MOFE, Dayang Masleda binti Pengiran Daud, menekankan kepentingan untuk melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang perakaunan seperti juruaudit dan juga akauntan yang berkelayakan bagi memenuhi permintaan perkhidmatan mereka yang semakin meningkat.

Beliau juga menyatakan bahawa mempunyai kapasiti audit yang mencukupi akan memastikan pengauditan, pematuhan dan juga pengawasan cukai yang berkesan.

Jelasnya lagi, dengan menjalankan tugas mereka dengan tekun dan beretika, akauntan dapat memastikan rekod kewangan yang jelas dan jujur untuk membantu

individu dan perniagaan dalam membuat pilihan yang baik dan merancang untuk masa depan serta seterusnya berharap akan ada lebih ramai Akauntan Bertauliah pada masa akan datang bagi menyokong ekonomi dan membantu negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Program berkenaan menampilkan sesi perkongsian oleh Pengarah BICPA Academy, Dayang Adeline Lau Pik Wen, mengenai pengalaman dan perjalanan profesional beliau dalam bidang perakaunan, kepentingan memperoleh kelayakan profesional yang diperakui seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan laluan untuk mendapat peluang kerjaya yang pelbagai dalam perakaunan, seperti juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar runding.

Di samping itu, para pelajar dan pensyarah turut menyertai sesi interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang bidang perakaunan setelah selesai sesi soal jawab yang memberi peluang ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada usaha berterusan MOFE dan BICPA untuk mempromosi profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan perakaunan profesional di Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



## Fokus beribadah, perkukuh kefahaman rohani

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 22 Februari. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) pagi tadi menganjurkan sesi Tazkirah Ramadan bertemakan 'Adakah Amalan Ku Diterima?' bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri, di sini.

Majlis tersebut bertujuan untuk menyemarakkan penghayatan bulan Ramadan serta memperkukuh kefahaman rohani para jemaah melalui perkongsian ilmu, muhasabah diri dan pengisian keagamaan.

Bagi menyerikan majlis, tazkirah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Noorizah binti Haji Abidin.

Antara inti pati tazkirah menekankan bahawa di bulan Ramadan ini adalah peluang yang amat besar bagi umat Islam untuk meminta pengampunan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di dalam bulan ini segala amal ibadat dan kebajikan akan dilipat gandakan pahala serta keberkatannya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Adalah juga diingatkan bahawa apabila datangnya bulan Ramadan ini, kita hendaklah mengurangkan segala kesibukan dan kelalaian kita yang sia-sia dan lebih fokus kepada beribadat, muhasabah diri serta memperbaiki diri, ini termasuk melaksanakan kewajipan seperti menunaikan solat, membaca

Al-Quran, menutup aurat dan memelihara diri daripada melakukan perkara maksiat dan segala kemungkaran semata-mata untuk mendapatkan ganjaran istimewa dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, 'Adakah Amalan Ku Diterima?' Dayang Noorizah menjelaskan tidak ada sesiapa pun yang akan mengetahui jika sekiranya amalan kita diterima Allah Subhanahu Wata'ala ataupun tidak, melainkan Allah Yang Maha Esa Yang Maha Mengetahui.

Namun antara tanda amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala ialah seseorang itu tidak akan kembali kepada melakukan maksiat, Allah Subhanahu Wata'ala akan memalingkannya daripada melakukan maksiat.

Sebagaimana Al-Imam Ibn al-Qayyim berpesan di dalam kitab Madarij al-Salikin: "Adapun sekiranya seseorang itu (setelah melakukan ibadat) masih merasa seronok dengan dosa, ketahuilah bahawa ia adalah (tanda-tanda) amalan tidak diterima sekalipun dia melakukan amal kebajikan selama 40 tahun".

Selain itu, amal kebajikannya seharusnya menghasilkan kebaikan yang lain dan seseorang muslim itu istiqamah dalam melakukan amal soleh dan kebaikan secara berterusan.

Menurut hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bahawa

permulaan bulan Ramadan membawa kerahmatan, pertengahannya keampunan dan kesudahannya dibebaskan daripada api neraka.

Maka para wanita muslim dianjurkan untuk sama-sama merebut kesempatan ini dengan sewajarnya bagi meraih keberkatan Ramadan itu bagi memohon keampunan dan rahmat, semata-mata untuk mendapatkan ganjaran istimewa yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Selaras dengan objektif majlis, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Tidaklah duduk suatu kaum, kemudian mereka berzikir kepada Allah 'Azza wa Jalla dalam dukunya hingga mereka berdiri, melainkan dikatakan (oleh malaikat) kepada mereka: Berdirilah kalian, sesungguhnya Allah telah mengampuni dosa-dosa kalian dan keburukan-keburukan kalian pun telah diganti dengan berbagai kebaikan". (Riwayat ath-Thabrani; disahihkan oleh Al-Albani dalam Shahihul Jami').

Hadith ini menjadi penguat semangat kepada para jemaah bahawa setiap majlis ilmu dan zikir merupakan peluang besar untuk memperoleh keampunan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, sejajar dengan matlamat pengajaran majlis ini dalam menyuburkan keinsafan dan mempertingkatkan kualiti amalan sepanjang bulan Ramadan.

Pengisian majlis bermula dengan kehadiran para muslimah yang terdiri daripada Ahli-ahli PSW, sebahagian ahli-ahli



**TAZKIRAH** Ramadan bertemakan 'Adakah Amalan Ku Diterima?' bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Perdana Menteri.

persatuan-persatuan di bawah Majlis Wanita, persatuan para muslimah masjid-masjid dan individu yang dijemput.

Seterusnya penyampaian tazkirah dan soal jawab dan kemudian diteruskan dengan Bacaan Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan bacaan Tahlil yang dipimpin oleh ustazah-ustazah daripada Persatuan Siswazah Wanita.

Majlis turut diselajurkan dengan Solat Fardu Zuhur Berjemaah.

Majlis ini telah menghimpunkan Ahli-ahli PSW serta masyarakat umum, sekali gus menjadi platform untuk mempererat silaturahim dan menyuburkan nilai keinsafan dalam kalangan peserta, khususnya dalam merefeksi penerimaan amalan sepanjang bulan yang

penuh keberkatan ini. PSW Negara Brunei Darussalam merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Masjid Ash-Shaliheen, penceramah jemputan, para jemputan serta semua jemaah yang hadir dan menyokong pengajaran majlis ini.

Diharapkan program seumpama ini akan terus menjadi medium dakwah dan pembangunan rohani yang berterusan demi kesejahteraan ummah.

Majlis Tazkirah Ramadan ini akan diteruskan pada setiap hari Ahad sepanjang bulan Ramadan, pada masa dan tempat yang sama, sebagai kesinambungan usaha memperkukuh penghayatan rohani dalam kalangan masyarakat.

# LAWATAN UNIDA KE NBD MEMPERKUKUH SILATURAHIM

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



**KERIAM**, Sabtu, 21 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriame menghajikan penghargaan atas kunjungan rombongan seramai 30 orang dari Universitas Darussalam Gontor (UNIDA), Republik Indonesia, yang mengadakan lawatan ke Kampung Keriame, baru-baru ini.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Fazari Zul Hazmi Kanggas, S.H.I., M.H.; dan Selmarisa Wardhani, S.H., M.A. dan tiba di kediaman Ketua Kampung Keriame, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, bagi sesi pertemuan dan taklimat ringkas.

Awang Haji Bahrin dalam

penerangannya menjelaskan bahawa jumlah penduduk di bawah tadahannya adalah seramai kira-kira 1,980 orang (Banci 2021), iaitu 1,003 lelaki dan 977 perempuan.

Tambahnya, majoriti penduduk di kampung berkenaan adalah beragama Islam serta terdiri daripada Puak Tutong dan menggunakan bahasa Tutong sebagai bahasa pertuturan harian.

Beliau seterusnya menjelaskan, kehidupan masyarakat adalah berteraskan nilai keagamaan, kekeluargaan dan perpaduan. Aktiviti kemasyarakatan pula dipimpin oleh MPK Keriame serta Ahli Takmir Masjid Kampung Keriame dengan sokongan agensi kerajaan dan penduduk setempat.

Lawatan berkenaan adalah sebahagian daripada International Community Service Program anjuran UNIDA, Republik Indonesia.

Sepanjang lawatan, rombongan telah dibahagikan kepada dua kumpulan untuk melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat di dua lokasi berasingan.

Kedua-dua kumpulan telah



**ROMBONGAN** seramai 30 orang dari Universitas Darussalam Gontor (UNIDA), Republik Indonesia mengadakan lawatan ke Kampung Keriame, baru-baru ini (atas dan kiri).

menjalankan Kempen Kebersihan di rumah warga emas dan ibu tunggal di Kampung Keriame, iaitu di kediaman Dayang Hajah Zainab binti Hitam, dan Dayang Esah binti Haji Abd. Rahman.

Aktiviti yang dijalankan termasuk kerja-kerja pembersihan kawasan rumah dan persekitaran sebagai tanda keprihatinan serta tanggungjawab sosial terhadap masyarakat setempat.

Semasa ditemui, Awang Haji Bahrin menyatakan bahawa program seumpama berkenaan dapat memperkukuh hubungan antara kedua-dua pihak dan diharapkan jalinan kerjasama tersebut akan terus dipererat pada masa akan datang.

Beliau turut menambah bahawa program berkenaan mampu menjadi inspirasi kepada golongan beliau kampung untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti berbentuk kemasyarakatan, sekali gus mengekalkan tradisi bergotong-royong yang telah lama dipupuk dalam masyarakat.

Sebelum mengakhiri acara, sesi penyampaian cenderamata telah diadakan oleh pihak MPK Keriame sebagai tanda penghargaan dan persahabatan, serta bagi mengeratkan lagi silaturahmi dan semangat kemasyarakatan antara kedua-dua pihak dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.

## Tarawih memupuk kemesraan, mengeratkan silaturahmi keluarga

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**SEMBAHYANG** Sunat Tarawih bersama keluarga di rumah turut menjadi amalan yang memberi makna tersendiri.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Kedatangan bulan Ramadan sentiasa membawa keberkatan dan peluang untuk memperkukuh amalan ibadah dalam kalangan umat Islam.

Bulan Ramadan juga sangat istimewa kerana di dalamnya terdapat satu ibadah yang hanya boleh dilakukan pada bulan berkenaan, iaitu Sembahyang Sunat Tarawih.

Di negara kita sendiri menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih memang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan dan peringkat umur masyarakat Islam di sini untuk sama-sama mengerjakannya bersama keluarga dan rakan-rakan sama ada di masjid-masjid dan surau-sarau untuk meraih pahalanya pada bulan Ramadan yang penuh berkat ini.

Selain Sembahyang Sunat Tarawih yang lazim didirikan secara berjemaah di masjid dan surau, suasana mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih bersama keluarga di rumah turut menjadi amalan yang memberi makna tersendiri.

Menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih bersama keluarga di rumah merupakan alternatif yang penuh keberkatan, memupuk kemesraan serta mengeratkan silaturahmi

antara ahli keluarga. Aktiviti berkenaan membolehkan suasana ibadah dirasakan bersama-sama, terutamanya bagi mereka yang tidak dapat ke masjid, sekali gus menjadikan rumah sebagai tempat bimbingan agama.

Suasana tenang dan sederhana di rumah membolehkan ibadah dapat dilaksanakan dengan lebih khusyuk.

Bagi sesetengah keluarga, amalan berkenaan menjadi alternatif sekiranya terdapat kekangan tertentu untuk hadir ke masjid, di samping memberi ruang kepada warga emas atau anak kecil untuk sama-sama merasai kemanisan beribadah dalam suasana yang selesa.

Selain memperoleh ganjaran pahala, pelaksanaan Sembahyang Sunat Tarawih secara berjemaah di rumah juga berperanan mengukuhkan institusi kekeluargaan. Ia menjadi wadah komunikasi yang lebih akrab, mendidik nilai disiplin, kesabaran serta semangat kerjasama dalam kalangan ahli keluarga.

Menurut Dayang Nurul Ain binti Haji Abdul Ghani dari Kampung Tasek Meradun, sejak dari kecil lagi, keluarga sudah mengajar tentang melaksanakan ibadah Tarawih di mana beliau dan adik-beradik

melihat kedua-dua ibu bapa mengerjakannya dan kini mereka pula meneruskannya.

Setiap datangnya bulan Ramadan, beliau berasa gembira kerana dapat menunaikan Sembahyang Tarawih bersama keluarga dan saudara-mara untuk meraih pahala, dan juga dapat mengeratkan hubungan antara keluarga.

"Alhamdulillah, tahun ini Tarawih keluarga kami dilaksanakan di rumah dan diimamkan oleh abang. Setiap malam beliau mengimamkan Tarawih untuk keluarga. Kami memilih lapan rakaat Tarawih dan Witir, bukan kerana mengajar bilangan tetapi untuk menghidupkan malam Ramadan dengan penuh makna.

"Ramadan mengajar kita erti syukur. Berdiri bersama keluarga, sujud di tempat yang sama, dan berdoa untuk kebahagiaan yang sama. Suasana sederhana tapi penuh ketenangan dan kasih sayang. Moga Allah memberkati langkah dan menjaga keluarga kami selalu," ujarnya.

Melalui suasana Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah di rumah, nilai kebersamaan dan keharmonian keluarga dapat diperkasa, sekali gus menyemarakkan lagi keberkatan bulan yang mulia ini.

Inilah juga keistimewaan bulan Ramadan, bukan sahaja kita dapat menambah baik hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala, malahan kita juga berpeluang untuk mengeratkan tali persaudaraan sesama keluarga dan ukhuwah sesama Islam dengan menunaikan ibadah Tarawih.

Sembahyang Sunat Tarawih dapat menghapuskan segala dosa yang dilakukan oleh seseorang. Kedudukan Sembahyang Sunat Tarawih lebih utama kedudukannya di bulan Ramadan.

Rebutlah peluang berkenaan untuk beribadat agar kita seluruh umat Islam dapat menikmati keberkatan serta ganjaran berlipat ganda dan supaya kita semua tergolong dalam orang-orang yang beriman dan dikasihi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.




## ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

---




## ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

[bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather)
[@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather)
[Weather Line 114](https://www.weatherline.com)
[www.met.gov.bn](http://www.met.gov.bn)

## 27 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN KEPERLUAN ASASI



**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association**

**TEMBURONG**, Sabtu, 21 Februari. - Dalam usaha membantu dan menyantuni saudara-saudara baharu di Kampung Selapon Daerah Temburong, Jawatankuasa Surau Balai Ibadat Pos Pusat Da'wah Temburong dengan kerjasama Persatuan Aftercare Support Association (AFSA)

sekali lagi menghulurkan infak sedekah berupa barang-barang keperluan asasi sempena bulan Ramadan ini.

Seramai 27 ketua keluarga di Kampung Selapon dan sekitarnya telah terpilih untuk menerima infak sedekah di bulan Ramadan tahun ini.



SERAMAI 27 ketua keluarga di Kampung Selapon dan sekitarnya telah terpilih untuk menerima infak sedekah di bulan Ramadan tahun ini (kiri sekali dan kiri).

Haji Masri. Turut hadir, Setiausaha Agung AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan; Imam Balai Ibadat Pos Dakwah, Kampung Selapon, Awang Haji Salleh Dicky bin Abdullah dan saudara-saudara baharu berkenaan.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta Doa Selamat dipimpin oleh Imam Balai Ibadat Pos Dakwah Kampung Selapon dan seterusnya penyampaian infak sedekah.

Pihak AFSA merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan yang dihulurkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dengan pihak AFSA. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberikan balasan dan pahala yang setimpal kepada mereka.

Pihak AFSA berharap agar banyak lagi pihak-pihak lain akan dapat menghulur dan menyumbangkan barang-barang keperluan asasi dan seumpamanya.

Dalam usaha yang berkeabajikan ini, pihak AFSA melahirkan rasa kesyukuran ramai pihak keluarga, syarikat dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menyumbangkan barang-barang keperluan asasi kepada AFSA untuk di sumbang dan dihulurkan kepada mereka yang memerlukan.

Antara tujuan infak ini ialah bagi

membantu saudara-saudara baharu (mualaf) bagi keperluan di bulan Ramadan ini, mengurangkan beban saudara-saudara baharu dan mengeratkan silaturahim di antara saudara-saudara baharu dengan pihak AFSA.

Hadir menyempurnakan penyampaian infak berkenaan ialah Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin

## Ramadan buka peluang jana pendapatan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**BULAN** Ramadan juga membuka ruang ekonomi yang sangat luas, khususnya kepada peniaga kecil dan sederhana.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Setiap kali tibanya bulan Ramadan yang mulia, suasana di seluruh negara berubah dengan ketara. Selain menjadi bulan ibadah dan memperbanyakkan amal, bulan Ramadan juga membuka ruang ekonomi yang sangat luas, khususnya kepada peniaga kecil dan sederhana.

Gerai-gerai sementara seperti bazar Ramadan serta tapak jualan di kawasan perumahan dan masjid menjadi medan terbaik untuk menjana pendapatan tambahan. Sepanjang bulan Ramadan, permintaan terhadap makanan dan minuman meningkat dengan mendadak, terutama menjelang waktu berbuka puasa. Juadah seperti kuih-muih tradisional, air minuman sejuk, lauk-pauk siap dimasak dan pencuci mulut sentiasa mendapat sambutan hangat.

Fenomena bazar Ramadan yang menjadi tumpuan ramai setiap petang membuktikan bahawa kuasa beli masyarakat dalam tempoh berkenaan adalah tinggi, malah ramai pengguna sanggup membelanjakan lebih untuk menikmati hidangan istimewa yang hanya muncul setahun

sekali. Salah satu kelebihan berniaga di gerai Ramadan ialah modalnya juga boleh disesuaikan mengikut kemampuan.

Peniaga boleh bermula secara kecil-kecilan dari rumah sebelum menyewa tapak gerai. Ini kerana kos utama biasanya melibatkan sewa tapak, peralatan memasak, bahan mentah, dan lesen atau permit perniagaan.

Dengan perancangan rapi, pulangan modal boleh dicapai dalam tempoh singkat, terutamanya jika berjaya mendapatkan lokasi yang strategik dan produk mendapat sambutan daripada para pembeli. Untuk berjaya dalam persaingan yang sengit, peniaga perlu kreatif dan bijak merancang strategi, antaranya kualiti dan kebersihan. Para pelanggan amat mementingkan kebersihan, terutama bagi makanan kerana penyediaan makanan bersih dan teratur dapat meningkatkan keyakinan pembeli.

Selain itu, keunikan produk yang ditawarkan, iaitu menjual menu unik atau resipi tradisional yang sukar diperoleh di tempat lain juga boleh menjadi tarikan utama. Di samping itu, menawarkan

harga yang berpatutan turut menyumbang dalam strategi menarik pelanggan, walaupun permintaan tinggi namun jika harga terlalu mahal boleh menyebabkan pelanggan beralih ke gerai lain.

Tambahan lagi ketika ini sudah menjadi trend para peniaga untuk menggunakan promosi secara digital, iaitu dengan menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok atau WhatsApp untuk mempromosi menu harian agar dapat menarik lebih ramai pelanggan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian dalam berniaga di gerai Ramadan antaranya persaingan sengit antara peniaga, risiko pembaziran jika makanan tidak habis terjual, keadaan cuaca yang tidak menentu serta pengurusan masa dan tenaga sepanjang bulan berpuasa.

Oleh itu, perancangan kuantiti jualan dan pengurusan stok amat penting bagi mengelakkan kerugian.

Berniaga di bulan Ramadan bukan sekadar mencari keuntungan, tetapi ia juga boleh menjadi platform untuk bersedekah dan membantu golongan memerlukan, contohnya, peniaga boleh menyediakan makanan percuma untuk pelanggan yang kurang berkemampuan atau menyumbang kepada pihak masjid.

Semangat keusahawanan yang digabungkan dengan nilai keikhlasan dan keberkatan menjadikan perniagaan di bulan Ramadan lebih bermakna.

Kesimpulannya, mengambil peluang berniaga di gerai sempena bulan Ramadan merupakan satu langkah bijak bagi menjana pendapatan tambahan.

Dengan perancangan yang teliti, strategi pemasaran yang berkesan serta penekanan terhadap kualiti dan kebersihan, peniaga berpotensi meraih keuntungan lumayan.

Lebih daripada itu, bulan Ramadan juga mengajarkan kita tentang kesabaran, keikhlasan

dan keberkatan dalam setiap usaha yang dilakukan, justeru peluang berniaga berkenaan

wajar dimanfaatkan sebaik mungkin demi kesejahteraan ekonomi dan rohani.



### Miliki barang tegahan : Lelaki warga asing didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 21 Februari. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND107,000 atau hukuman pemenjaraan selama 50 bulan jika gagal menjelaskan keseluruhan jumlah denda terhadap seorang lelaki warganegara Indonesia.

Majistret, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Agus Kristanto, 41 tahun atas enam pertuduhan.

Mengikut pertuduhan pertama Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006, defendan memiliki 30 karton, empat paket dan 13 batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah manakala bagi pertuduhan kedua pula, Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 iaitu memiliki lima botol minuman keras pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Sementara bagi pertuduhan ketiga Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 iaitu memiliki 62 karton, 11 paket dan lima batang pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah, manakala pertuduhan keempat Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006, defendan memiliki 26 botol minuman keras pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Pertuduhan kelima pula bagi Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 iaitu memiliki satu botol minuman keras tanpa kebenaran yang sah dan pertuduhan keenam Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 memiliki lima batang rokok tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) di kawasan restoran dan rumah pekerja di Lambak Jalan Utama Berakas dan bilik sewa Kampung Salambigar pada 16 Februari 2025, pukul 7.20 malam.

Kesemua barang-barang yang terlibat iaitu rokok dan minuman keras pelbagai jenis dihukum rampas dan diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.

Manakala wang tunai berjumlah BND445 dan SGD160 serta dua unit telefon bimbit pelbagai jenis dihukum rampas dan diserahkan ke kerajaan bagi tindakan selanjutnya.



## FESTIVAL LAYANG-LAYANG BERMULA DI HAB PELANCONGAN UTAMA KEMBOJA

**SIEM REAP**, Kemboja, 21 Feb. - Kira-kira 138 penerbang layang-layang dari pelbagai wilayah di seluruh Kemboja mengambil bahagian dalam pertandingan layang-layang tahunan di wilayah Siem Reap, hab pelancongan utama negara itu, pada hari Jumaat.

Muon Sopheap, pengarah Jabatan Kebudayaan dan Seni Halus wilayah Siem Reap, berkata festival tiga hari itu bukan sahaja memelihara tradisi layang-layang tetapi juga membantu menarik pelancong ke wilayah Siem Reap.

"Festival ini penting untuk memulihara tradisi layang-layang zaman dahulu, yang merupakan

warisan budaya tidak ketara kita, dan mempromosikannya kepada generasi muda," katanya pada majlis perasmian yang diadakan di lokasi bekas Lapangan Terbang Antarabangsa Siem Reap.

Ia merupakan tahun kedua berturut-turut wilayah Siem Reap menganjurkan festival tersebut. Pada acara tersebut, layang-layang dalam bentuk pelbagai haiwan dan objek telah diterbangkan.

"Ia bukan sahaja mewujudkan suasana yang menggembirakan untuk pelancong, tetapi juga melindungi dan mempertingkatkan identiti negara kita," kata Ly Sary, timbalan gabenor wilayah Siem Reap.

Tradisi bermain layang-layang telah wujud di Kemboja selama

**PARA** peminat bersiap sedia untuk menerbangkan layang-layang semasa festival layang-layang di wilayah Siem Reap, Kemboja, pada 20 Februari 2026.

lebih 2,000 tahun, dan biasanya, petani dan kanak-kanak luar bandar bermain layang-layang semasa musim menuai padi tahunan, menurut sejarah.

Terletak di barat laut Kemboja, Siem Reap menempatkan Taman Arkeologi Angkor yang disenaraikan oleh UNESCO, yang merupakan destinasi pelancongan paling popular di negara Asia Tenggara itu.

Taman purba ini menerima sejumlah 955,131 pelawat antarabangsa pada tahun 2025, memperoleh pendapatan kasar



sebanyak 44.7 juta dolar AS Angkor Enterprise milik kerajaan. - daripada jualan tiket, menurut ©XINHUA

## Runtuhan salji baharu ragut nyawa 4 pemain ski di Austria

**VIENNA**, 21 Feb. - Empat lagi pemain ski terkorban dalam runtuhan salji di Austria pada Jumaat, menurut pihak berkuasa, menambah bilangan kejadian maut pada musim sejuk kali ini, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Dua mangsa ditemukan maut susulan runtuhan salji di pusat

peranginan ski St Anton am Arlberg yang terletak di bahagian barat. Kesemua mangsa dikeluarkan daripada timbunan salji namun gagal diselamatkan, kata seorang jurucakap polis.

Daripada tiga mangsa lain yang pada awalnya diselamatkan dengan kecederaan, seorang

daripadanya dilaporkan meninggal dunia di hospital pada sebelah petang. Pihak berkuasa belum dapat memberikan butiran segera mengenai umur atau kewarganegaraan mangsa.

Terdahulu, seorang pemain ski warga Republik Persekutuan Jerman berusia 42 tahun maut

dalam runtuhan salji di kawasan ski Nauders di Tyrol. Lelaki itu sedang bermain ski di luar trek rasmi bersama anak lelakinya yang berusia 16 tahun, yang terselamat dengan kecederaan parah, menurut polis.

Dua beranak itu cuba melintasi lereng yang menghadap ke utara apabila kepingan salji selebar kira-kira 400 meter runtuh, menolok mereka sejauh 200 hingga 300 meter ke bawah

bukit.

Salji baharu setebal sehingga 40 sentimeter turun di beberapa bahagian di Tyrol dalam beberapa hari kebelakangan ini. Pihak berkuasa memberi amaran bahawa keadaan runtuhan salji kekal berbahaya.

Lebih 30 runtuhan salji direkodkan di Tyrol pada Rabu sahaja. Tiga orang maut di Tyrol dan di wilayah jiran, Vorarlberg. - ©BERNAMA

## Hampir 2 juta rakyat berpendidikan tinggi di Republik Persekutuan Jerman berisiko miskin

**BERLIN**, 21 Feb. - Kira-kira 1.9 juta individu berkelulusan pendidikan tinggi di Republik Persekutuan Jerman berisiko jatuh miskin pada 2025, meningkat kira-kira 350,000 berbanding 2022, menurut data Pejabat Perangkaan Persekutuan yang diminta oleh Sahra Wagenknecht Alliance (BSW).

Peningkatan itu berlaku selari dengan pertambahan jumlah individu berpendidikan tinggi, lapor agensi berita Republik Persekutuan Jerman dpa. Pada 2025, kira-kira 21.04 juta orang memiliki ijazah universiti, universiti sains gunaan atau akademi profesional, berbanding 19.41 juta pada 2022.

Angka itu menunjukkan walaupun lebih ramai memperoleh

kelayakan tinggi, tidak semuanya berjaya mendapatkan pekerjaan bergaji lumayan. Data daripada Agensi Pekerjaan Persekutuan menunjukkan kadar pengangguran dalam kalangan individu berpendidikan akademik meningkat kepada 3.3 peratus pada 2025, berbanding 2.2 peratus pada 2022.

Bagaimanapun, risiko kemiskinan kekal jauh lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berpendidikan rendah. Daripada 14.34 juta individu berpendidikan rendah, hampir 4.14 juta berisiko jatuh miskin pada 2025, menurut pejabat statistik itu. Individu dengan kelayakan peringkat sederhana juga berdepan risiko kemiskinan lebih tinggi berbanding siswazah.

Mengikut definisi rasmi, sesiapa yang memperoleh kurang daripada 60 peratus pendapatan median dianggap berisiko miskin. Pada 2025, ambang itu ditetapkan pada 1,446 (US\$1,700) sebulan bagi individu bujang.

Pengasas BSW Sahra Wagenknecht menyifatkan peningkatan risiko kemiskinan dalam kalangan individu berpendidikan tinggi sebagai kegagalan dasar ekonomi kerajaan.

"Kemosrotan dan kemiskinan kini menjejaskan semua peringkat pendidikan," katanya sambil menggesa pembuat dasar memulihkan ekonomi serta membuka peluang mobiliti sosial melalui usaha dan kerja keras. - ©BERNAMA

## Papua Tengah lancar program IVF percuma tangani penurunan kadar kelahiran

**JAKARTA**, 21 Feb. - Kerajaan Wilayah Papua Tengah telah melancarkan program persenyawaan in vitro (IVF) percuma sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani penurunan kadar kelahiran dalam kalangan Orang Asli Papua (OAP).

Ketua Pejabat Kesihatan Papua Tengah Agus berkata inisiatif itu bertujuan membantu pasangan yang menghadapi masalah kesuburan di samping memastikan kelestarian populasi OAP.

Beliau berkata program tersebut dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan wilayah di bawah dasar yang diperkenalkan oleh Gabenor dan Timbalan Gabenor, walaupun rawatan IVF biasanya melibatkan kos perubatan yang tinggi.

"Program IVF sedang berjalan, jadi rakyat Papua tidak lagi perlu mendapatkan rawatan di luar wilayah. Mereka hanya perlu datang ke Papua Tengah dan ia adalah percuma," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA, malam Jumaat.

Menurut data kesihatan, kadar kelahiran di Papua Tengah menunjukkan trend penurunan, sebahagiannya disebabkan oleh jangkitan saluran pembiakan yang menjejaskan lelaki dan wanita, yang dikaitkan dengan corak tingkah laku kesihatan yang kurang baik.

Selain inisiatif IVF, kerajaan wilayah telah memperkenalkan Program KoHarus Sehat (Kad Autonomi Khas Harapan Baharu Sihat Papua Tengah), yang memfokuskan kepada penjagaan kesihatan pencegahan dan promotif melalui saringan dan imunisasi, jaminan pembiayaan kesihatan, serta kerjasama merentas kerajaan.

Papua Tengah kini mempunyai 150 pusat kesihatan komuniti (puskesmas), yang mana 127 daripadanya telah berdaftar dan kira-kira 60 telah diakreditasi, menjadikan pemerkasaan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer sebagai keutamaan yang berterusan. - ©BERNAMA

## Gempa bumi 5.9 magnitud landa Wilayah Papua New Guinea - GFZ

**HONG KONG**, 21 Feb. - Gempa bumi berukuran 5.9 magnitud melanda Wilayah Papua New Guinea pada 0618 GMT hari Sabtu, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman GFZ, lapor Xinhua.

Pusat gempa dengan kedalaman 10 kilometer, pada mulanya ditentukan berada pada 5.34 darjah latitud selatan dan 145.75 darjah longitud timur. - ©BERNAMA

## Pedang terlepas ke arah penonton, seorang cedera ketika pementasan 'Richard III' di Berlin

**BERLIN**, 21 Feb. - Seorang penonton cedera ringan ketika pementasan karya William Shakespeare 'Richard III' di sebuah teater di Berlin selepas pedang pentas terlepas daripada tangan pelakon yang memegang watak raja itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Insiden itu berlaku pada petang Khamis di teater Schaubuhne ketika satu adegan pertarungan, menurut pihak teater pada Jumaat.

Pedang prop itu meluncur di atas pentas dan bahagian hulunya terkena kepala seorang wanita yang duduk di barisan hadapan.

Kemalangan berlaku dalam babak terakhir apabila Raja Richard, yang dilakonkan oleh Lars Eider, bertarung bersendirian

menggunakan pedang menentang watak yang digambarkan sebagai syaitan.

Eider segera menghentikan persembahan, memohon maaf dan bergegas ke hadapan pentas untuk memeriksa keadaan wanita yang cedera itu, menurut laporan akhbar Berliner Zeitung.

Beliau kemudian meminta lampu dewan dinyalakan dan memohon kehadiran doktor. Wanita berkenaan menerima rawatan daripada doktor teater yang bertugas di lokasi, menurut Schaubuhne.

Persembahan tidak disambung semula dan para penonton kemudiannya meninggalkan dewan.

"Kami amat kesal dengan insiden malang semasa persembahan

'Richard III semalam dan masih terkejut,' menurut kenyataan Schaubuhne.

Eider menghubungi wanita itu melalui telefon pada keesokan paginya untuk bertanya tentang keadaannya. Pengurusan teater juga masih berhubung dengannya.

Pelakon itu terkenal di Republik Persekutuan Jerman menerusi lakonan pentas serta produksi seperti Babylon Berlin.

Menurut pihak teater, adegan pertarungan termasuk babak lawan pedang disusundikan dilatih dengan kerjasama penyelaras aksi lagak ngeri. Prosedur keselamatan akan diteliti semula.

Persembahan 'Richard III yang akan datang dijadualkan diteruskan seperti dirancang. - ©BERNAMA

# LUBANG BESAR DI ACEH TENGAH AKIBAT TANAH RUNTUH, BUKAN LUBANG BENAM



**JAKARTA**, 22 Feb. - Satu rongga besar meliputi lebih 30,000 meter persegi, bersamaan kira-kira empat hingga lima padang bola sepak dan mencapai kedalaman sehingga 100 meter di Aceh Tengah, adalah akibat proses tanah runtuh dan bukannya lubang benam, menurut Agensi Penyelidikan dan Inovasi Nasional Indonesia (BRIN).

Ketua Pusat Penyelidikan Bencana Geologi BRIN, Adrin Tohari berkata lubang yang semakin melebar di Kampung Pondok Balik itu menimbulkan kebingungan awam berikutan saiz dan kedalamannya yang semakin meningkat, dengan sesetengah penduduk serta laporan media menyamakannya dengan fenomena lubang benam yang

berlaku di tempat lain.

Bagaimanapun, beliau berkata struktur geologi kawasan itu tidak menyokong pembentukan lubang benam klasik yang lazimnya berlaku di kawasan batu kapur.

"Apa yang berlaku di Aceh Tengah sebenarnya fenomena tanah runtuh, bukan lubang benam. Lapisan tufnya tidak padat dan kekuatannya rendah, menyebabkan ia mudah terhakis dan runtuh," katanya seperti dipetik dalam kenyataan yang dikeluarkan BRIN pada Sabtu.

Adrin menjelaskan kawasan itu terdiri daripada endapan aliran piroklastik dalam bentuk tuf hasil aktiviti lampau Gunung Geureudong yang kini tidak lagi aktif, dan bahan tersebut masih muda dari segi geologi serta belum

mengalami pemadatan sepenuhnya, menjadikannya rapuh dan mudah gagal.

Beliau berkata imej satelit Google Earth sejak 2010 telah menunjukkan kewujudan lembah kecil atau gaung di lokasi berkenaan dan dari semasa ke semasa, hakisan serta kejadian tanah runtuh berulang telah melebarkan dan memanjangkan lekukan itu sehingga membentuk rongga besar yang kelihatan hari ini.

Menurutnya, gempa bumi berukuran 6.2 magnitud yang melanda Aceh Tengah pada 2013 berkemungkinan melemahkan struktur cerun, manakala hujan lebat mempercepatkan lagi proses itu apabila batuan tuf yang rapuh mudah menyerap air dan

kehilangan kohesi.

Adrin menegaskan fenomena itu tidak berlaku secara tiba-tiba, sebaliknya berkembang dalam tempoh puluhan hingga ratusan tahun, dengan gempa bumi dan hujan bertindak sebagai faktor pemangkin dalam pembentukan semula jadi lembah atau gaung tersebut.

Beliau berkata keadaan geologi serupa turut terdapat di kawasan lain yang mempunyai formasi batuan gunung berapi muda, dengan merujuk Ngarai Sianok di Sumatera Barat yang terbentuk melalui proses geologi jangka panjang berkaitan aktiviti tektonik di sepanjang Sesar Besar Sumatera.

Sehubungan itu, beliau menggesa usaha mitigasi

dipertingkatkan termasuk kawalan lebih ketat terhadap aliran air permukaan, penetapan zon bahaya yang jelas serta pemasangan sistem amaran awal tanah runtuh, di samping meminta penduduk sentiasa peka terhadap tanda awal seperti rekahan tanah atau mendapan kecil.

"Peta kerentanan tanah runtuh sudah wujud, namun ia perlu dikemas kini susulan insiden ini bagi meningkatkan ketepatan dan kegunaan operasi. Keutamaan kini adalah memahami proses ini dan segera melaksanakan langkah mitigasi bagi mengelakkan kehilangan nyawa," tambahnya. - ©BERNAMA

# NASA tanggung misi angkasawan ke bulan susulan masalah teknikal

**WASHINGTON**, 22 Feb. - NASA menangguhkan misi angkasawan ke bulan yang pertama sejak 1972 selepas masalah teknikal memaksa agensi angkasa itu menunda pelancaran Artemis 2, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pentadbir NASA Jared Isaacman dalam hantaran di platform X pada Sabtu bahawa satu isu berkaitan bekalan helium pada salah satu

peringkat roket perlu ditangani.

Kerja pembaikan memerlukan pemindahan roket dan kapsul Orion dari pad pelancaran Pusat Angkasa Lepas Kennedy di negeri Florida, AS kembali ke hangar, menjadikan tempoh pelancaran Mac yang dirancang pada asalnya tidak dapat dicapai.

Misi itu pada mulanya dijadualkan pada awal Februari, tetapi

ditangguhkan kerana kebocoran hidrogen semasa ujian. Selepas raptai penuh urutan pelancaran dijalankan kemudiannya, tanpa melibatkan pelepasan, Isaacman menyifatkan kemajuan sebagai signifikan pada Jumaat.

Tempoh pelancaran selanjutnya dijangka lewat tahun ini, termasuk pada awal April. Artemis 2 akan membawa empat angkasawan -

warga Amerika Christina Koch, Victor Glover dan Reid Wiseman, serta warga Kanada Jeremy Hansen - dalam misi kira-kira 10 hari mengelilingi bulan, menandakan perjalanan manusia pertama

menghampiri bulan dalam tempoh lebih 50 tahun.

Angkasawan AS terakhir yang mendarat di bulan melakukan penerbangan ke sana pada 1972. - ©BERNAMA

# Trump janji keluarkan Republik Sosialis Viet Nam daripada senarai kawalan eksport strategik

**ISTANBUL**, 22 Feb. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump, berikrar untuk mengarahkan agensi berkaitan supaya segera mengeluarkan Vietnam daripada "senarai kawalan eksport strategik" semasa pertemuan dengan To Lam, Setiausaha Agung Parti Komunis Republik Sosialis Viet Nam, di Washington pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Menurut kenyataan dari Hanoi pada Sabtu, To Lam menekankan kepentingan yang diberikan Hanoi untuk memajukan Perkongsian Strategik Menyeluruh Republik Sosialis Viet Nam-AS secara "stabil, substantif dan berkesan".

Beliau mencadangkan kedua-dua negara meningkatkan pertukaran delegasi dan hubungan peringkat tinggi. Beliau menekankan "keperluan untuk dialog yang jujur dan substantif mengenai isu-isu tertunggak, berdasarkan kepentingan yang seimbang dan selaras dengan syarat dan kepentingan sah setiap pihak, serta demi manfaat perniagaan dan rakyat kedua-dua negara".

Trump pula menurut kenyataan itu, "menzahirkan kasih sayangnya terhadap rakyat Republik Sosialis Viet Nam dan menegaskan bahawa AS komited untuk menyokong Republik Sosialis Viet Nam yang 'kuat, bebas, berdikari, dan sejahtera'". Beliau turut menghargai usaha

Republik Sosialis Viet Nam menyeimbangkan perdagangan dua hala dan menyambut baik kontrak berharga yang ditandatangani semasa lawatan itu. Trump memberi respons positif terhadap cadangan Republik Sosialis Viet Nam untuk kerjasama dalam bidang ekonomi serta sains dan teknologi.

"AS menganggap Republik Sosialis Viet Nam sebagai rakan penting di rantau ini", menurut kenyataan itu memetik Trump, sambil menambah beliau memuji "peranan dan suara Republik Sosialis Viet Nam yang semakin menonjol di forum serantau dan pelbagai hala". - ©BERNAMA

# Kerajaan sementara Syria ambil alih kawalan keselamatan Lapangan Terbang Qamishli

**DAMSYIK**, 22 Feb. - Kerajaan sementara Syria mengambil alih pengawasan keselamatan Lapangan Terbang Qamishli di wilayah timur laut Hasakah, menandakan satu lagi langkah dalam pelaksanaan perjanjian lebih luas dengan Pasukan Demokratik Syria (SDF) pimpinan Kurdish untuk menyatukan institusi dan mengurangkan kuasa selari di wilayah tersebut, lapor Xinhua.

Pihak berkuasa dalam negeri berkata pada Sabtu bahawa jabatan keselamatan lapangan terbang dan sempadannya telah mengambil alih tanggungjawab keselamatan di Lapangan Terbang Qamishli, sebagai sebahagian daripada perjanjian yang dicapai awal tahun ini antara Damascus

dan SDF.

Langkah terbaharu ini menyusuli siri tindakan di bawah perjanjian tersebut, termasuk penempatan pasukan keselamatan kerajaan ke bahagian Hasakah dan Qamishli, penyelarasan bersama mengenai pengaturan keselamatan, dan pemindahan kawalan secara berperingkat ke atas infrastruktur utama daripada SDF kepada institusi negara.

Lapangan Terbang Qamishli, satu daripada beberapa lapangan terbang yang beroperasi di timur laut Syria, telah lama berfungsi di bawah pengaturan kompleks yang melibatkan SDF dan pihak berkuasa negara Syria. Lapangan terbang itu berkhidmat untuk penerbangan awam dan operasi kerajaan yang terhad

sepanjang tahun konflik dan perpecahan.

Perjanjian antara kerajaan sementara dan SDF, yang diumumkan pada akhir Januari, menyeru integrasi berfasa struktur ketenteraan dan pentadbiran, pengunduran tentera dari garisan hubungan tertentu, serta pemindahan lintasan sempadan, lapangan terbang dan kemudahan strategik lain kepada pengawasan kerajaan pusat.

Tiada perubahan segera terhadap operasi penerbangan di Lapangan Terbang Qamishli diumumkan. Pihak berkuasa dalam negeri berkata proses penyerahan itu dilakukan dengan penyelarasan pihak berkuasa berkaitan, tanpa memberikan butiran lanjut. - ©BERNAMA

# Lebih 1,500 tahanan mohon dibebaskan di bawah undang-undang amnesti baharu Venezuela

**ISTANBUL**, 22 Feb. - Lebih 1,500 orang di Venezuela yang ditahan atas sebab politik memohon amnesti di bawah undang-undang yang baharu digubal dan dijangka dibebaskan, menurut pihak berkuasa pada Sabtu, lapor Anadolu Ajansi.

Ketua Perhimpunan Kebangsaan Venezuela, Jorge Rodriguez, berkata sehingga semalam terdapat 405 permohonan daripada mereka yang hilang kebebasan, dan hari ini tambahan 1,152 permohonan diterima, menjadikan jumlah keseluruhan 1,557. Semua permohonan itu sedang ditangani dengan segera dan pada masa ini ratusan orang yang hilang kebebasan sudah pun dibebaskan di bawah undang-undang amnesti itu.

Langkah yang diluluskan pada hari Khamis itu dijangka memberi manfaat kepada ahli pembangkang, aktivis, wartawan dan lain-lain yang ditahan atas sebab politik.

Undang-undang itu tidak terpakai kepada individu yang disabit kesalahan membunuh, pengedaran dadah, pelanggaran serius hak asasi manusia atau pemberontakan ketenteraan.

Kumpulan hak asasi telah menyeru pihak berkuasa untuk meluaskan langkah itu kepada semua yang ditahan atas sebab politik, tanpa mengira sama ada mereka secara rasmi termasuk dalam rangkaian penerimaan amnesti.

Rodriguez menambah bahawa undang-undang itu juga terpakai kepada mereka yang berada di bawah peraturan tahanan alternatif, termasuk keperluan lapor diri atau tahanan rumah, dan undang-undang itu menyediakan agar langkah alternatif ini ditarik balik supaya individu terbabit dapat menikmati kebebasan sepenuhnya.

Presiden sementara Delcy Rodriguez ketika menandatangani rang undang-undang itu menggambarkan langkah itu sebagai bukti bahawa pemimpin politik negara sedang "melepaskan sedikit toleransi dan membuka laluan baharu untuk politik di Venezuela". - ©BERNAMA

# 2 pesawat berlanggar di landasan Lapangan Terbang Schiphol, tiada kecederaan

**THE HAGUE**, 22 Feb. - Dua pesawat yang dikendalikan syarikat penerbangan kebangsaan Belanda, KLM, berlanggar di landasan tanpa menyebabkan kecederaan pada pagi Sabtu di Lapangan Terbang Amsterdam Schiphol, Belanda, lapor media tempatan.

Menurut penyiar awam Belanda, NOS, satu penerbangan baru sahaja mendarat dari Birmingham, manakala satu lagi dijadual berlepas ke Athens. Satu daripada pesawat berada dalam keadaan berhenti, manakala satu lagi sedang bergerak.

Penumpang dan kru kedua-dua pesawat dibawa kembali ke pintu perlepasan selepas kejadian. KLM berkata semua penumpang ditempatkan semula pada penerbangan lain. Kedua-dua pesawat dipindahkan ke hangar untuk pemeriksaan.

KLM menyifatkan kejadian itu sebagai "sangat luar biasa". Punca perlanggaran masih dalam siasatan. - ©BERNAMA



# KANADA, AS BERSEDIA UNTUK PERLAWANAN AKHIR HOKI AIS LELAKI OLIMPIK

MILAN, 21 Feb. - Pentas kini tersedia untuk pertembungan dua kuasa Amerika Utara dalam perlawanan akhir pingat emas hoki ais lelaki Milan-Cortina 2026 selepas Kanada dan Amerika Syarikat (AS) mara melalui kemenangan separuh akhir yang berbeza pada hari Jumaat.

Kanada bangkit secara dramatik untuk menewaskan juara bertahan Finland 3 - 2, selepas ketinggalan dua gol sebelum menjaringkan tiga gol tanpa balas termasuk jaringan kemenangan *power-play* oleh Nathan MacKinnon dengan hanya berbaki 35 saat dalam masa tambahan. Kemenangan ini menandakan penampilan pertama Kanada dalam perlawanan akhir Olimpik sejak memenangi pingat emas di Sochi 2014 Winter Olympics.

Finland menjaringkan gol pertama menerusi jaringan *power-play* Mikko Rantanen pada penghujung tempoh pembukaan dan menggandakan kelebihan mereka pada awal suku kedua apabila Erik Haula menyempurnakan serangan balas ketika kekurangan pemain. Tetapi Kanada membalas dengan tekanan tanpa henti.

PEMAIN Kanada meraikan jaringan gol semasa perlawanan separuh akhir *play-off* hoki ais lelaki di Sukan Olimpik Musim Sejuk Milan-Cortina 2026 di Milan, Republik Itali, 20 Februari 2026. (Xinhua/Wang Kaiyan)

Sam Reinhart dan Shea Theodore berjaya menyamakan kedudukan 2-2. MacKinnon memberikan tamparan hebat pada minit terakhir untuk meraih kemenangan.

"Kami mendapat gol pertama yang besar jadi kami boleh menarik nafas, kami hanya ketinggalan satu gol," kata Ketua Jurulatih Kanada, Jon Cooper.

"Perlawanan yang sangat mendebarkan, tetapi mereka hampir membuat jurulatih mereka berdebar-debar".

Dalam perlawanan separuh akhir yang lain pada hari itu, AS menguasai Slovakia dari awal hingga akhir, dengan mencatat kemenangan 6 - 2.

Perlawanan akhir pingat emas



dijadualkan pada hari Ahad di Arena Hoki Ais Milano Santagiulia. Finland dan

Slovakia akan bertemu untuk merebut gangsa pada hari Sabtu. - ©XINHUA

# PLBM mahu standard gelanggang mudah alih kekal menjelang Glasgow 2026

KUALA LUMPUR, 21 Feb. - Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) berharap kemudahan gelanggang mudah alih digunakan skuad negara di Stadium Juara, Bukit Kiara terus dikendalikan kontraktor sama apabila dipindahkan ke venue baharu pada Mei ini.

Presidennya Datuk Awalan Abdul Aziz berkata kemudahan itu yang diperoleh daripada Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) sejak penganjuran Piala Dunia tahun lepas terbukti menjadi medan terbaik kepada atlet negara membuat persediaan Sukan Komanwel 2026 di Glasgow, Scotland.

"Sebagaimana kita maklum, gelanggang mudah alih ini diperoleh

daripada PSM ketika Piala Dunia berlangsung di Stadium Juara. Namun stadium itu bukan milik kita dan kemudahan tersebut perlu dipindahkan ke lokasi lain.

"Penggunaan kontraktor sama amat penting bagi memastikan kualiti permukaan dan spesifikasi teknikal gelanggang kekal konsisten, khususnya sebagai persediaan sebelum berangkat ke Glasgow.

"Ini kerana kejohanan itu akan menggunakan gelanggang mudah alih dengan material permukaan dan spesifikasi yang sama. Jadi ia amat penting untuk kita," katanya.

Awalan yang berkata demikian kepada

Bernama selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa kerja di Bukit Jalil, semalam berkata mengikut perancangan, atlet akan kembali berlatih pada minggu hadapan sehingga hari raya.

Beliau berkata PSM akan memindahkan gelanggang mudah alih itu ke lokasi baharu yang belum dimuktamadkan, manakala atlet akan berlatih di gelanggang biasa di Bukit Kiara buat sementara waktu.

Skuad negara dijadualkan menyertai Kejohanan Boling Padang Asia di New Delhi, Republik India pada April yang menggunakan gelanggang luar berkarpet, justeru latihan disesuaikan dengan permukaan kejohanan yang bakal

dihadapi.

Selain itu, beliau berkata pasukan kebangsaan akan berlepas ke Scotland lebih awal untuk menyertai kejohanan Four Nation Test Series susulan gelanggang mudah alih dijangka belum siap dipindahkan ketika itu.

"Kita telah membuat keputusan dan Majlis Sukan Negara (MSN) bersetuju untuk kita berangkat seminggu lebih awal. Selepas tamat siri itu dan gelanggang mudah alih siap dipindahkan, skuad akan kembali menjalani latihan di situ sehingga menjelang Sukan Komanwel," katanya.

Sukan Komanwel Glasgow 2026 berlangsung dari 23 Julai hingga 2 Ogos. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MARILAH KITA MERAFAKKAN DOA KE HADRAT ILAHI ATAS RASA SYUKUR SEMPENA HARI KEBANGSAAN